

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA
PERKHIDMATAN REPROGRAFI

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY
REPROGRAPHIC SERVICE

INI IALAH SALINAN MIKROFIS
BAHAN DALAM PEGANGAN
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI
MALAYA

THIS IS THE MICROFICHE
COPY OF ITEM HELD IN THE
UNIVERSITY OF MALAYA
LIBRARY



MULA

START

IBADAT:

KEFAHAMAN DAN AMALANNYA

DI KALANGAN SAUDARA BARU

DI SARAWAK.

SATU KAJIAN KHUSUS DI KAMPUNG BELIMBIN,

DARUL ISLAM, PEDAWAN,

KUCHING, SARAWAK.

OLEH:

SIMOI BT. PERI

0001011

KERTAS PROJEK INI IALAH SATU LATIHAN
ILMIAH UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA
DALAM SYARIAH PADA SESI 1989/1990

FAKULTI SYARIAH

AKADEMI ISLAM, UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR.

(JANUARI, 1990)



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّاْتَ
فَلَا إِنْسَانٌ لَّا يُعْلَمُونَ

الذٰرِيَاتُ : ٥٦

DEDIKASI :

Ku abadikan buat insan tersayang

*Ayah dan emak yang sentiasa memberi kasih sayang ,
dan mendoakan kejayaanku.*

Ku abadikan juga untuk

*Abang-abang , kakak-kakak dan adik-adik ,
yang sering membantu dan memberi dorongan untukku.*

*Dan akhir sekali ku abadikan juga untuk ' sidia ' yang
teristimewa ... semoga kejayaan milik kita bersama.*

*' ABADIKAN HIDUP INI DENGAN IMAN DAN TAQWA UNTUK
SAMPAI KE DESTINASINYA ,
YANG KEKAL ABADI '*

ABSTRAK

Objektif utama kajian ilmiah ini adalah sebagai satu usaha untuk meninjau dan mengkaji sejauhmana kefahaman dan amalan ibadat di kalangan saudara baru di Sarawak, khususnya di Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan, Kuching. Untuk membingungkan perkara ini, penulis telah membahagikannya kepada empat bab.

Bab Pertama

Dalam bab ini, penulis memberi gambaran secara ringkas tentang negeri Sarawak, latarbelakang dan geografinya, dakwah Islamiyyah di Sarawak yang berkisar tentang kedatangan Islam ke negeri Sarawak dan serba ringkas tentang penubuhan BINA yang berperanan sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dalam soal dakwah di Sarawak. Penulis juga memberi gambaran secara umum tentang perkembangan saudara baru di Sarawak, dan perkembangan orang-orang bukan Islam mengikut kaum yang menganut agama Islam di Kuching.

Bab Kedua

Penulis menjelaskan secara umum tentang pengertian Islam, pengertian ibadat dari segi bahasa dan dari segi istilah agama, pembahagian ibadat dan syarat-syaratnya. Disamping itu, penulis itu mengemukakan dalil-dalil dari Al-Quran dan As-Sunnah

sebagai menguatkan lagi hujjah mengenai konsep ibadat dalam Islam serta hikmah-hikmahnya yang memberi manfaat yang besar kepada manusia.

Bab Ketiga

Bab ini memaparkan tentang hasil kajian yang dibuat oleh penulis di Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan, Kuching. Kajian tersebut berkisar di sekitar kefahaman dan amalan ibadat di kalangan saudara baru Bidayuh di kampung tersebut. Sebelum itu, penulis menceritakan serba ringkas mengenai latarbelakang orang Bidayuh di Sarawak dan latarbelakang Kampung Belimbin serta sejarah pengislaman mereka.

Dalam menganalisiskan kefahaman saudara baru di Kampung Belimbin, penulis membahagikan kefahaman mereka tentang ibadat kepada tiga bahagian. Golongan yang faham sepenuhnya tentang ibadat, tidak faham sepenuhnya dan tidak faham langsung tentang ibadat.

Penulis juga menjelaskan beberapa faktor yang mempengaruhi kefahaman dan ketidakfahaman mereka tentang ibadat. Dan memaparkan beberapa contoh amalan ibadat di kalangan mereka.

Bab Keempat

Bab ini merupakan bab terakhir di dalam penulisan latihan ilmiah ini, di mana penulis membuat kesimpulan mengenai perbincangan-perbincangan yang telah dibuat di dalam setiap bab; terutamanya dari bab kedua dan ketiga yang meliputi skop kajian yang telah dibuat oleh penulis. Penulis juga membuat beberapa cadangan yang dirasakan perlu supaya badan-badan dakwah di Sarawak dan Kerajaan Sarawak amnya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang telah dan sedang dihadapi oleh saudara baru di Sarawak, khususnya di Kampung Belimbin.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي نفسي بيده نجده ونشكوه ونستعينه ونستغفره
ونتوب إليه ونصلى ونسلم على النبي الكريم وأمام المجاهدين
وقدوة للعاملين وعلى الله وآصحابه ومن نصره وولاه وبعد :

Alhamdulillah dan bersyukur kepada Allah S.W.T yang telah memberi taufik dan hidayahNya kepada penulis sehingga penulis dapat menyiapkan penulisan Kertas Projek ini pada masa yang ditetapkan. Latihan kajian ilmiah ini adalah salah satu syarat keperluan untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dengan kesempatan ini, penulis merakamkan setinggi - tinggi terima kasih kepada Prof. Madya Muhd. Hashim b. Yahya, Ketua Akademi Islam, Universiti Malaya selaku penyelia penulis dalam menyiapkan Kertas Projek ini, di mana bersusah payah membantu dan mengorbankan masa untuk meneliti serta memberi nashihat kepada penulis dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini. Bimbingan dan semangat yang beliau berikan itu amat berharga bagi penulis dalam meneruskan usaha-usaha ini. Sekali lagi penulis mengucapkan ribuan terima kasih dan semoga Allah S.W.T memberkati segala bantuan dan tunjuk ajar daripada beliau.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pen- syarah yang mendidik dan mencurah ilmu yang tidak ternilai kepa-

da penulis semasa pengajian di Universiti Malaya. Semoga Allah S.W.T memberi ganjaran baik terhadap sumbangan yang kaliang berikan itu.

Kepada seisi keluarga penulis di Sri Aman, terutamanya ayah dan emak yang dikasehi, berkat doa, pengorbanan dan bantuan daripada ayah dan emak, penulis berpeluang menimba ilmu di pusat pengajian tinggi; kepada abang-abang, kakak-kakak dan adik bongsu penulis Suraya yang banyak membantu. Semoga Allah memberkati hidup kalian.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua penduduk Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan, Kuching. Kerjasama yang diberikan membantu penulis dalam menjayakan kajian ilmiah ini.

Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada Urusetia Saudara Baru, Majlis Islam Sarawak, Tuan Haji Ali b. Abdullah yang banyak membantu penulis dalam menyediakan data-data dan maklumat-maklumat mengenai saudara baru di Sarawak, khususnya di Kuching.

Kepada Pendakwah BINA, Ustaz Fauzi b. Hj. Mohidin yang

menbantu dan meluangkan masa beliau untuk ditemubual, juga kepada Ust. Fathi Hj. Duet, selaku Timbalan Pengarah Dakwah BINA, Cikgu Said Abu serta keluarga dan kepada Encik Hj. Abdul Rahman b. Ahmat. Ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Terima kasih juga dirakamkan kepada semua kakitangan yang bertugas di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah Berjilid Institut Pengajian Tinggi Universiti Mala- ya, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan BINA Kuching, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuching, dan Jabatan Penerangan Kuching.

Tidak lupa juga, penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sahabat karib penulis, Ed (Latifah Sobeng) serta keluarga. Semoga budibaik kalian diberkati oleh Allah S.W.T.

W.T.

Akhir sekali, penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat baik secara langsung atau tidak, bantuan, sokongan dari segi moral dan material, membolehkan kajian ilmiah ini berjaya disiapkan. Semoga sumbangan dan kerjasama yang diberikan itu mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.

Penulis.

Simoi bt. Peri.

Fakulti Syariah,

Akademi Islam,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

118, Jalan Kampung

Hilir,

95000 Sri Aman,

Sarawak.

KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>HALAMAN</u>
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	ix
TRANSLITERASI	xiii
KEPENDEKAN	xvi
PENDAHULUAN	xvii
- Pengenalan Masalah	xvii
- Metodologi Kajian	xix
1. Penyelidikan	
2. Observasi	
3. Temubual	
4. Penyelidikan Perpustakaan	
5. Masalah yang dihadapi	
6. Kepentingan Kajian	

RAB PERTAMA

DAKWAH ISLAMIYAH DI SARAWAK

- Latarbelakang Penduduk Dan Geografi Negeri Sarawak	1
- Dakwah Di Sarawak	3
- Jumlah Orang-orang Bukan Islam Memeluk Agama Islam Di Sarawak	6
- Jumlah Saudara Baru Islam Mengikut Kaum Di Kudzing	8

BAB KEDUA

KONSEP IBADAT DALAM ISLAM

2.1 Pengertian Islam	12
2.2 Pengertian Ibadat	13
2.2.1 Pengertian menurut bahasa	13
2.2.2 Pengertian ibadat menurut istilah syara ^c	14
2.2.2.1 Pembahagian Ibadat - i - Ibadat Khusus	15
ii - Ibadat Umum	18
2.3 Dalil Pensyariatan Ibadat Dalam Islam	19
2.3.1 Dalil Dari Al-Quran	19
2.3.2 Dalil Dari Hadith	20
2.4 Hikmat Ibadat Dalam Islam	20
2.4.1 Sebagai Menepati Janji Terhadap Allah	21
2.4.2 Sebagai Asas Keimanan Untuk Mencapai Kebahagiaan Di Dunia Dan Di Akhirat	21
2.4.3 Untuk Membentuk Peribadi Yang Mulia Dan Suci	22

BAB KETIGA

IBADAT: KEFAHAMAN DAN AMALANNYA DI KALANGAN SAUDARA BARU DI - KAMPUNG BELIMBIN, DARUL ISLAM, PEDAWAN, KUCHING, SARAWAK.

3.1 Ringkasan Latarbelakang Tempat Kajian

a: Pengenalan Orang Bidayuh 26

b: Latarbelakang Kampung Belimbin, Darul Islam,
Pedawan, Kuching, Sarawak 29

3.2 Ibadat: Kefahaman Dan Amalannya Di Kalangan Saudara Baru. Satu Kajian Khusus Di Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan, Kuching 32

3.2.1 Kefahaman Saudara Baru Bidayuh Tentang Ibadat 34

3.2.1.1 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kefahaman Saudara Baru Bidayuh Tentang Ibadat 39

(a) Usaha Dakwah Dari BINA 40

(b) Kedudukan Kampung Dan Kemudahannya 41

(c) Adanya Penempatan Guru Agama 43

3.2.1.2 Faktor-faktor Ketidakfahaman Mereka Tentang Ibadat 45

(a) Kejahiilan 45

(b) Kekurangan Tenaga Pengajar 46

(c) Aktiviti Agama Yang Bercampur Aduk 47

(d) Kurang Perhatian Dalam Bidang Ibadah 48

(e) Kekurangan Ahli Dakwah Dalam Pelbagai
Bidang 49

(f) Kekurangan Alat Perhubungan 49

PERKARAHALAMAN

(g) Kekurangan Bahan Bacaan Ringan Mengenai Ibadat Dan Makan Minum Dalam Bahasa Bidayuh	50
(h) Masalah Ekonomi Di Kalangan Saudara Baru ...	51
3.2.2 Amalan Ibadat Di Kalangan Saudara Baru Di Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan, Kuching	52
3.2.2 (i) Amalan Ibadat Khusus	53
a. Penglibatan Responden Dengan Sembahyang .. 5 Waktu Sehari Semalam	53
b. Penglibatan Responden Dalam Puasa Di Bulan Ramadan	55
c. Penglibatan Responden Dengan Zakat	57
d. Penglibatan Responden Dengan Ibadat Haji ...	58
e. Penglibatan Responden Dengan Sembahyang Juma ^c at	59
3.2.2 (ii) Amalan Ibadat Umum	61

BAB KEEMPAT

KESIMPULAN DAN SARANAN

4.1 Kesimpulan	70
4.2 Saranan	76
4.3 Penutup	78

TRANSLITERASI

a) Konsonan

Konsonan dalam huruf ^cArab tidak selamanya sepadan dengan konsonan huruf Rumi. Oleh itu, pada konsonan tertentu, konsonan ^cArab boleh dirumikan tetapi beberapa konsonan tertentu terpaksa dibuat dalam beberapa tambahan. Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah;

<u>HURUF ^cARAB</u>	<u>HURUF RUMI</u>
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s
ض	d

HURUF ARAB

ط

ظ

ع

غ

ف

ق

ك

ل

م

ن

،

ـ ـ

ـ

ـ

ـ

HURUF RUMI

t

z

cain

gh

f

q

k

l

m

n

w

h

،

y

t

b) Vokal

Dalam sistem vokal ^cArab, ada vokal pendek dan vokal panjang dan ada diftong.

VOKAL PENDEK

— / — a

— — i

— / — u

VOKAL PANJANG

— / — ā

— — ī

— / — ū

DIFTONG

لـ ـ / ـ ـ ay

ـ ـ / ـ ـ aw

KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
BINA	Angkatan Nahdatul Islam Bersatu
b.	bin
bt.	binti
bil.	bilangan
Dr.	Doktor
et.al	dan lain-lain
Hj. / Hjh.	Haji / Hajjah
ibid.	Ibidem (pada tempat yang sama)
Muhd.	Muhammad
op.cit	opera citato (in the work cited - dalam karya tersebut)
PERKIS	Pertubuhan Kebajikan Islam Sarawak
PERKIM	Persatuan Kebajikan Islam Malaysia
Prof.	Profesor
S.A.W	Sallallā hu ^c alaihi wassallam
S.W.T	Subhā nahu ta ^c ala

PENDAHULUAN

Pengenalan Masalah.

Ibadat adalah perkara pokok di dalam Islam yang bersaskan kepada empat tiang asas amali di mana ianya lebih kukuh dan teguh daripada perkara-perkara lain. Empat tiang tersebut ialah sembahyang lima waktu sehari semalam, puasa di bulan ramadhan, mengeluarkan zakat dan menunaikan fardhu haji. Keempat-empat komponen ini memberi kebaikan kepada seluruh kehidupan manusia sekiranya ia diamal dan dihayati oleh setiap individu dan masyarakat amnya.

Ditinjau dari perspektif Islam, ibadat bukan sahaja terbatas kepada empat perkara tersebut, tetapi merangkumi seluruh aspek kehidupan dengan manusia, masyarakat, negara malah terhadap binatang sekalipun. Pendekata, apa saja perbuatan dan urusan harian yang dilakukan dengan penuh ikhlas untuk mendapatkan keredhaan Allah Ta'ala serta mengikut landasan-landasanNya, maka segalanya itu dikatakan ibadat.

Begitulah luasnya pengertian ibadat yang tidak terbatas kepada sembahyang, puasa, zakat dan haji, di mana selagi hayat seorang itu untuk melakukan sesuatu perbuatan dan amalan sama ada disuruh atau dilarang oleh Islam, maka selagi itulah dikatakan

ibadat.

Sungguhpun maksud ibadat itu amat luas, tetapi ramai manusia tidak mengetahui dan memahami hakikat sebenar konsep ibadat. Kehanyakkannya beranggapan bahawa ibadat itu berkisar pada yang fardhu saja, dan sebahagian yang lain pula tidak faham konsep ibadat dari segi yang lain (pecahan-pecahan bentuk ibadat).

Bercakap benar, tolong-menolong, menuntut ilmu, menghormati kedua ibubapa adalah sebahagian dari ibadat. Begitu juga dengan melayan tetamu, menziarahi saudara-mara atau jiran tetangga yang sakit, berzikir, membaca Al-Quran, menepati janji, bertimbang rasa dan menjalinkan hubungan silatur-rahim semuanya sebahagian dari ibadat.

Begitu juga dengan cintakan kepada Allah dan RasulNya, bersyukur, bersabar dalam menerima ujian daripadaNya, takutkan azabNya serta sentiasa mengingati mati adalah sebahagian daripada ibadat kepada Allah.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa ibadat dalam Islam mempunyai skop yang amat luas baik dari segi aqidah maupun hubungan sesama manusia.

Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan saudara baru, maka mungkin bidang ibadat ini merupakan suatu hal yang masih baru dan belum bersebatii dengan mereka.

Menyedari akan hakikat ini, penulis bermaksud untuk meninjau bagaimana bentuk kefahaman dan amalan ibadat di kalangan mereka. Adalah diharapkan melalui kajian ini, masyarakat akan mendapat gambaran yang sebenarnya tentang saudara baru di Kampung Belimbin, Kuching, Sarawak terutamanya dalam bidang ibadat dan pengamalannya.

Metodoloji Kajian.

Kajian ini dibuat menerusi beberapa metod tertentu:-

1. Penyelidikan Luar

Penyelidikan luar dibuat di Pejabat BINA, Kuching dan Majlis Islam, Sarawak bertujuan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat tentang saudara baru, khususnya di Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan. Hasil dari kajian ini juga lapuran-lapuran dapat diperolehi.

2. Observasi / Pemerhatian.

Metod observasi ini memberi peluang kepada penulis, dimana melalui pengamatan yang dibuat telah memberi pendedahan secara langsung dan berkesan kepada penulis, kerana dalam tempoh pengamatan ini, penulis dapati suasana dan cara pergaulan dan hidup masyarakat saudara baru. Penulis rasa metod cara ini juga amat penting untuk meninjau kefahaman dan amalan ibadat di kalan-gan mereka.

3. Temubual

Penulis membuat temubual dengan beberapa peringkat masyarakat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Temubual secara langsung dibuat dengan Ketua Kampung selaku mewakili Penghulu Kampung Belimbin, Urusetia Saudara Baru di Majlis Islam Sarawak, Kuching dan pegawai BINA Kuching. Manakala secara tidak langsung dibuat dengan penduduk kampung dan orang perseorangan.

Untuk memudahkan penulis, penulis menggunakan panduan temubual (interview - guide). Walaubagaimanapun, penulis tidak semestinya menggunakan panduan temubual tersebut satu persatu, kerana semasa menjalankan temubual tersebut, penulis mengemuka-

kan soalan atau sesuatu pertanyaan berdasarkan responden. Nama-nama mereka yang ditemubual disertakan dalam lampiran.

4. Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan dibuat bagi memperolehi fakta-fakta yang berkaitan dengan tajuk seperti penulisan buku-buku sejarah dan latarbelakang kedatangan Islam ke Sarawak, Kependudukan, Penempatan serta konsep ibadat dalam Islam. Penulis dalam mendapatkan bahan-bahan tersebut menggunakan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya, Perpustakkan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan BINA Kuching dan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuching. Fakta-fakta yang terdapat di beberapa buah perpustakaan tersebut adalah didapati dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan dalam Bahasa Arab; di mana memberi banyak manfaat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini.

5. Masalah Yang Dihadapi Semasa Kajian

Di dalam usaha menyiapkan kajian ini penulis telah menghadapi beberapa masalah terutamanya dari segi kedudukan tempat kajian, kerana ianya berjauhan dari tempat kediaman penulis di Sri Aman (Bahagian Kedua). Penulis terpaksa bermalam di kampung tersebut dan semasa di Kuching, penulis terpaksa juga berulang alik ke Pejabat BINA dan Majlis Islam Sarawak untuk mendapatkan maklumat dan data-data tertentu. Penulis juga terpaksa menghabiskan wang dan daya usaha yang banyak untuk tugas-tugas penyelidikan.

Oleh kerana kajian ini menyentuh tentang saudara baru, maka penulis menghadapi masalah yang agak besar terutamanya berkomunikasi dengan penduduk kampung yang masih ' pekat ' dengan bahasa ibunda mereka (Bahasa Bidayuh). Kebanyakkan daripada mereka juga mempunyai tugas masing-masing di mana pagi-pagi lagi sudah bersedia untuk ke kebun dan ke sawah atau keluar ke bandar Kuching. Jadi, penulis terpaksa menunggu mereka untuk ditemubual. Disamping itu pula penulis juga terpaksa menunggu maklumat-maklumat dari Urusetia Saudara Baru mengenai jumlah dan perkembangan saudara baru di Kuching, khususnya di Kampung Belimbin, kerana tidak terdapat lapuran yang teratur dan kemas mengenai saudara baru.

Walaubagaimanapun, penulis bersyukur kepada Allah S.W.T, kerana dapat menyiapkan kajian ini mengikut kemampuan penulis meskipun menghadapi kesukaran dan cabaran.

6. Kepentingan Kajian

Matlamat sebenar penulis memilih kajian tentang ibadat dan kefahaman serta amalannya di kalangan saudara baru adalah berdasarkan kepada beberapa faktor tertentu:-

a: Pengertian ibadat dalam Islam sesungguhnya mengandungi makna yang luas. Islam mengiktirafkan setiap amalan dan pekerjaan yang dilakukan untuk mencari keredhaan Allah S.W.T, maka semuanya dikatakan ibadat dan akan diberi ganjaran pahala. Untuk memahami pengertian ibadat dan bagaimanakah bentuk-bentuk pekerjaan yang dikatakan ibadat dalam kehidupan kita sehari-hari, maka penulis berminat menjalankan kajian ini. Semoga kajian ini akan dapat memberi penjelasan yang sebenarnya tentang ibadat.

b: Pengertian ibadat yang amat luas itu, kemungkinan mendatangkan masalah yang besar terhadap saudara baru untuk memahaminya dengan lebih mendalam. Dengan kajian ini, penulis dapat meninjau dan mengetahui sejauhmana amalan dan kefahaman mereka tentang ibadat dalam Islam; sama ada mereka memahaminya dengan

sepenuhnya atau tidak.

c: Dengan menjalankan kajian luar seperti ini, secara langsung ia membolehkan penulis mengetahui dan melihat sosio-budaya sesebuah masyarakat di Sarawak dengan lebih dekat lagi, iaitu sebelum dan setelah mereka menganut agama Islam.

d: Dan, memberi peluang kepada penulis untuk memperlihatkan perkembangan keadaan masyarakat tertentu, dan agar penulis lebih peka akan masalah dan perkembangan semasa. Dengan pendedahan seperti ini, ini boleh membantu penulis untuk mempercepatkan proses pembiasaan dan kesesuaian jiwa terhadap apa yang ingin dicapai.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, penulis berminat untuk membuat kajian tentang ibadat, dan cuba mengkaji serta meninjau sejauhmana kefahaman dan amalan ibadat saudara baru di Kampung Belimbin, Kuching. Apa yang diharapkan oleh penulis, agar kefahaman dan amalan ibadat mereka itu setanding dan selaras dengan kefahaman yang kita miliki.

Akhirkata, penulis berharap agar kajian ini memberi kesedaran dan fahaman beragama kepada masyarakat Islam di negeri Sarawak, serta mengharapkan sesuatu perubahan dapat dilaksanakan

oleh semua pihak setelah mengotahui permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru di seluruh negeri. Semoga dengan perubahan itu, baik dari segi ekonomi, sosial maupun politik dapatlah mereka beribadat dengan sempurna dan memperolehi kemajuan dalam kehidupan mereka, seterusnya menghayati Islam itu sebagai ' ad-deen '.

-3

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

DAKWAH ISLAMIYYAH DI NEGERI SARAWAK

Latarbelakang Penduduk Dan Geografi Negeri Sarawak

Sarawak negeri terbesar di Malaysia, terletak di sebelah barat laut pantai borneo¹, di sebelah selatan dan timur bersempadan dengan Kalimantan Indonesia, di sebelah utara dan timur laut pula bersempadan dengan Brunei dan Sabah.²

Ibu negeri Sarawak ialah Kuching, yang terletak di tepi Sungai Sarawak. Sarawak dibahagikan kepada sembilan bahagian, di mana bahagian-bahagian ini dipecahkan kepada daerah-daerah kecil.

Sarawak terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum atau bangsa. Penduduknya terdiri daripada kaum Melayu, Iban (Dayak Laut), Melanau, Bidayuh (Dayak Darat), Cina dan Orang Ulu yang terdiri daripada suku kaum Penan, Kayan, Kenyah, Kelabit, Lun Bawang dan Bisaya.

Mengikut banci yang dibuat pada pertengahan bulan Jun 1960, jumlah penduduk Sarawak ialah seramai 744,529 orang³, dan penduduknya telah meningkat kepada 1.55 juta orang berdasarkan

kepada anggaran penduduk setakat Jun, 1986.⁴

Walaubagaimanapun, kepadatan penduduknya lebih rendah dari Semenanjung.

Masyarakatnya yang unik dan pelbagai kaum itu, maka pelbagai agama telah dianuti. Dengan ini tidak hairanlah bentuk perjalanan dakwah di Sarawak dan pendekatannya agak berlainan sedikit dengan tempat-tempat di Semenanjung.

Dakwah Di Sarawak

Kedatangan Islam ke Sarawak amat sukar ditetapkan dengan tepatnya. Ada yang mengatakan bahawa Islam sampai ke Sarawak melalui pedagang-pedagang dari negara ^cArab, ada pula yang berpendapat Islam itu datang ke Sarawak melalui Jawa dan Johor, dan pendapat lain pula mengatakan Islam tersebar di Sarawak melalui Brunei. ⁵

Walaubagaimanapun, kedatangan Islam ke negeri Sarawak agak lewat atau akhir daripada tempat-tempat lain di Malaysia.

Aliran membawa Islam ke negeri Sarawak adalah dengan dua cara. ⁶

- 1) Dari Sumatera menerusi Kalimantan.
- 2) Dari Kelantan dan Patani di Selatan Thai mengikut arus laut-an dan juga melalui orang-orang yang menyeberangi Lautan Cina terutama dari Pantai Timur terus ke negeri Sarawak, Brunei dan Sabah.

Tumpuan utama penyebaran Islam di Sarawak agak terbatas terutamanya di pinggir-pinggir laut dan di mana sungai menjadi perhubungan penting dalam mempengaruhi dan menyebarkan agama Islam. ⁷

menghalang penyebaran dan perkembangan Islam di Sarawak sedang keadaan Islam masih lemah iaitu kira-kira 150 tahun lebih.⁸

Walaubagaimanapun, keadaan ini tidaklah berterusan. Dengan adanya kesedaran dari sebilangan penganut Islam, dakwah Islam tetap berjalan walaupun menghadapi berbagai masalah.

Perkembangan agama Islam di Sarawak mula diberi perhatian setelah negeri itu merdeka menerusi kemasukannya dalam Malaysia pada tahun 1963. Tetapi, perhatian yang betul-betul serius hanya diberikan oleh Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub yang menjadi Ketua Menteri dalam tahun 1970.⁹

Dengan itu, setelah mendapat sambutan dan perhatian yang istimewa daripada beberapa pemimpin terkemuka di Sarawak, maka tertubuhlah Majlis Islam Sarawak, Persatuan Kebajikan Sarawak dan BINA (Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu). Pertubuhan-pertubuhan inilah memainkan peranan yang penting di Sarawak, terutamanya BINA, sejak iaanya ditubuhkan pada tahun 1970, ia dikatakan kira berjaya dalam mengendalikan soal dakwah. BINA juga menjalankan tugas membetulkan aqidah Islam disamping mendedahkan Islam kepada bukan Islam. Dan BINA mendapat kerjasama dari badan dan pertubuhan Islam yang lain seperti Majlis Islam Sarawak, Institut Dakwah Malaysia, Rabitah Al-Alami Al Islami dan Darul Ifta' di Riyad.

Begitulah keadaan dakwah Islamiyyah di Sarawak, yang Islamnya berkembang peringkat demi peringkat sejak bertapaknya Islam ke negeri Sarawak dahulu.

Jadual: 1Jumlah Orang-Orang Bukan Islam Memeluk Agama Islam Di SarawakDari Tahun 1975 Hingga 1988.

TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH KESELURUHAN
1975	516	390	906
1976	905	831	1,736
1977	2,441	1,667	4,108
1978	340	365	705
1979	592	654	1,246
1980	384	379	763
1981	361	509	870
1982	621	722	1,343
1983	322	531	853
1984	476	668	1,144
1985	368	636	1,004
1986	327	550	877
1987	294	508	802
1988	321	499	820
JUMLAH	8,268	8,909	17,177

Jumlah keseluruhan: 17,177 orang.

* Sumber: Majlis Islam Sarawak, Kuching.

Data di atas (lihat Jadual 1) menunjukkan senarai jumlah pemeluk-pemeluk agama Islam yang berdaftar di Majlis Islam Sarawak, Kuching.

Bila melihat senarai tersebut, terdapat satu perkembangan yang amat menggalakkan dari tahun 1975 hingga 1977. Agak menghairankan juga bahawa data tersebut menggambarkan kadar yang negetif di sekitar tahun 1978 dan 1980. Tidak seperti di tahun-tahun sebelumnya. Sebagai contoh, pada tahun 1983, 1986, 1987 dan 1988, kadar atau jumlah saudara baru di Sarawak adalah dikira selari. Tetapi jika bilangan saudara baru pada tahun 1986, 1987 dan 1988 dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu 1985, jumlah saudara baru di tahun 1986 telah turun kepada 25 % (peratus), pada tahun 1987 turun kepada 20 % dan pada tahun 1988 turun kepada 18 %. Walaubagaimanapun, kadar kemerosotan dari tahun 1986 hingga 1988 tidaklah begitu terok jika dibandingkan dengan tahun 1978 di mana jumlah saudara baru pada tahun tersebut telah jatuh kepada 68 % - jika dibandingkan dengan tahun 1977. Dengan lain perkataan, hanya 32 % sahaja orang-orang bukan Islam memeluk agama Islam pada tahun tersebut (1978).

Jadual: 2

Jumlah Saudara Baru Islam Mengikut Kaum Di Kuching, Sarawak,

Dari Tahun 1975 Hingga 1989.

TAHUN	IBAN	BIDAYUH	ORANG ULU	MELANAU	CINA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1975	178	163	6	10	69	11	437
1976	164	177	5	5	58	12	421
1977	200	174	11	5	77	5	472
1978	228	148	7	10	63	12	468
1979	91	107	8	5	56	14	281
1980	87	97	2	6	38	14	244
1981	37	25	1	1	19	5	88
1982	171	409	9	5	85	26	705
1983	125	164	3	9	41	17	359
1984	85	157	9	6	66	14	337
1985	145	185	8	7	69	32	446
1986	144	178	3	8	58	19	410
1987	101	153	11	10	76	9	360
1988	138	141	13	6	65	11	374
1989	49	67	-	2	21	8	147
Jumlah:		1,943	2,345	96	95	861	209
5,549 Orang.							

Jumlah Keseluruhan: 5,549 Orang.

* Sumber: Majlis Islam Sarawak, Kuching.


Data di atas (lihat Jadual 2), menunjukkan perbandingan di antara kaum yang memeluk agama Islam di Kuching, Sarawak.

Jika diteliti dari angka-angka yang terdapat di tahun-tahun 1975 hingga 1978, kadar pertumbuhan orang-orang yang bukan Islam yang memeluk agama Islam amat menggalakkan. Hal ini berlaku mungkin disebabkan faktor ekonomi BINA yang masih kukuh di sekitar tahun tersebut. Atau tidak mempunyai sebarang masalah dalam mengislamkan orang-orang bukan Islam. Ini terbukti bila kita perhatikan dalam tahun 1979, 1980 dan 1981, kadar kemerosotan saudara baru amat mengecewakan, sekalipun dalam tahun 1982 jumlah orang-orang bukan Islam yang memeluk agama Islam menunjukkan satu perkembangan yang baik jika dibandingkan dari tahun-tahun sebelumnya.

Bagi tahun-tahun berikutnya, jumlahnya semakin menurun dan tidak stabil. Sebagai contoh, dalam tahun 1989, jumlah orang-orang bukan Islam yang memeluk agama Islam cuma 147 orang sahaja.

Dari urutan jumlah saudara baru dari tahun 1975 hingga 1989, kita boleh membuat kesimpulan inilah satu realiti. Mungkin ini berlaku disebabkan tidak ada kerjasama dari mana-mana pihak ataupun disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakan, baik dari segi ekonomi maupun politik. Walaubagaimanapun kaum yang terbesar menganut agama Islam ialah orang-orang Bidayuh

yang berjumlah sebanyak 2,345 orang dan diikuti oleh kaum Iban yang berjumlah sebanyak 1,943 orang dan seterusnya.



NOTAKAKI.

1. Jawatankuasa Kecil Publisiti Dan Filem Perayaan Ulang Tahun Ke 25 Sarawak Merdeka Dalam Malaysia, " Adat Resam Penduduk Sarawak ", Cetakan Pertama, (Sarawak: See Hua Daily News Bhd. Pending, 1988), tidak ada muka surat.
2. Muhammad Nor Abdullah, " Kemasukan Sabah Dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia ", Cetakan Pertama, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976), m.s . 14
3. James C. Jackson, " Sarawak ", Cetakan Pertama, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976), m.s. 28
4. Jawatankuasa Kecil Publisiti Dan Filem Perayaan Ulang Tahun ke 25 Sarawak Merdeka Dalam Malaysia. op.cit.
5. Riyu Haji Embo Perok, " Institut Dakwah BINA Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyyah Di Sarawak ", Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1987, m.s. 1
6. Datuk Patinggi Amar Haji Abdul Taib Mahmud, " Dakwah Islamiyah Di Sarawak ", Dakwah, Keluaran Ke 13, Jun 1984, m.s. 19
7. ibid, m.s. 19
8. ibid, m.s. 19
9. Riyu Haji Embo Perok, op.cit, m.s. 8

BAB KEDUA

KONSEP IBADAT DALAM ISLAM

2.1. Pengertian Islam

Islam ialah agama yang diwahyukan oleh Allah kepada RasulNya, yang terkandung di dalamnya Al-Quran dan As-Sunnah. DilutusNya Rasul-rasul adalah untuk menyeru umat manusia agar men-tauhidkan Allah serta beribadat kepadaNya demi kepentingan umat manusia sendiri. Untuk kepentingan manusia itulah Allah telah menurunkan Islam kepada seluruh umat manusia.

Islam dalam Bahasa ^cArab membawa erti tunduk, patuh dan taat.¹⁰ Dari istilah syara^c perkataan Islam bererti patuh akan perintah dan peraturan Allah S.W.T.¹¹ Ketundukan dan kepatuhan disini adalah lahir dari kesedaran bukan kerana terpaksa. Ketundukan dan kepatuhan ini juga merupakan hakikat Islam sebenarnya dan sebagai buktinya ialah reda menerima Islam yang diiringi dengan kesedaran tadi. Kerana itu, Islam dalam pengertian ini adalah me-rupakan agama yang diwahyukan oleh Allah kepada RasulNya.¹² Allah berfirman yang membawa maksud;

" Sesungguhnya agama (yang direndai) di sisi Allah ia-lah Islam " ¹³

Firman Allah lagi;

" Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka ti-daklah akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia

di akhirat termasuk orang-orang yang rugi " ¹⁴

Oleh yang demikian, manusia hendaklah reda dengan Islam, kenal akan Tuhan mereka Yang Maha Esa dan tidak menafikan kewujudanNya serta mengabdiakan dirinya kepada Allah S.W.T dengan beribadat kepadaNya.

2.2. Pengertian Ibadat

Pengertian ibadat terbahagi kepada dua.

- 1) Pengertian menurut bahasa.
- 2) Pengertian menurut istilah syara^c.

2.2.1. Pengertian menurut bahasa.

Ibadat dari segi bahasa sepertimana yang terdapat dalam Qamus, ialah al-^cabdiah wal ^cubudiyyah wal ^cibadat iaitu taat. 'at-tazil' ¹⁵ Dengan lain perkataan rasa hina dan merendahkan diri kepada Allah.S.W.T.

Dalam bahasa ^cArab pula, ialah ^cabada-ya^cbudu-^cibaddatan. Ia bererti taat (ketaatan), tunduk (ketundukan), memperbudak, doa, memperhambakan diri, menyembah dan sebagainya. ¹⁶

Al-Ustaz Abul A^cla Al-Maududi di dalam mengulas pengertian ibadat dari segi bahasa berpendapat ia adalah gambaran ketundukan dan perhamaan diri. ¹⁷ Perhamaan diri di sini ialah

perhambaan dan kepatuhan para hamba kepada Allah S.W.T dengan menjauhkan segala laranganNya dengan jalan tunduk dan merendahkan diri dengan serendah-rendahnya yang dilakukan dengan hati yang ikhlas dari seorang hamba terhadap TuhanNya menurut cara yang ditentukan oleh agama.¹⁸ Ini bererti, kita hendaklah melakukan penyembahan yang mutlak terhadapNya dengan penuh khusus^c, bebas dari sebarang perantaraan dan tidak terikat dengan sesuatu tempat yang tertentu.¹⁹

2.2.2. Pengertian ibadat menurut istilah syara^c.

Ibadat dari segi syara^c ialah taat dan tunduk²⁰, yang dikerjakan semata-mata kerana mencari keredaan Allah Ta'ala.

Ibnu Taimiyah di dalam buku Al-^cUbudiyyah menjelaskan; ' Asal makna ibadat ialah kehinaan, tetapi ibadat yang disyariatkan Allah ke atas manusia merangkumi makna kehinaan dan kecintaan sekaligus, iaitu kemuncak kehinaan diri itu bila berhadapan dengan Allah Ta'ala, disamping kemuncak kecintaannya terhadapNya '²¹.

Dari istilah ibadat yang dikemukakan oleh Ibnu Taimiyah, dapat difahamkan bahawa ibadat itu mengandungi perasaan tunduk dan kasih, yang bermaksud kehinaan dan meliputi kesudahan dengan kasih kepada Allah. Maka, tidak termasuk dalam pengertian ibadat sekiranya amalan yang dilakukan tapi tidak kasih kepadaNya. Dan juga tidak termasuk dalam pengertian ibadat sekiranya perasaan

kasih kepada Allah tapi tidak ada amalan ibadat kepadaNya, kerana kasih kepada Allah lebih kasih daripada benda yang lain adalah membuktikan bahawa kita benar-benar beriman kepadaNya.

Oleh kerana ibadat adalah nama yang meliputi bagi tiap-tiap perkara yang dikasihi oleh Allah dan yang direldaiNya sama ada berupa perkataan dan perbuatan zahir dan batin, maka untuk lebih jelas lagi, penulis mengkategorikan ibadat itu kepada dua kategori.

- 1) Ibadat Khusus.
- 2) Ibadat Umum.

2.2.2.1. Ibadat Khusus.

Ibadat khusus ialah yang mengatur hubungan langsung dengan Allah S.W.T²², seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji. Ianya mempunyai struktur sistem dan peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh syariah, yang mesti dipatuhi oleh orang-orang yang menunaikannya. Ibadat jenis ini merupakan asas yang paling penting kepada aqidah dan keimanan seseorang, juga merupakan medan latihan yang amat berkesan untuk membentuk keperibadian Muslim yang sebenarnya.²³ Sabda Rasulullah S.A.W yang kira-kira bermaksud;

" Dari Abdur Rahman, Abdillah bin Umar Ibnul Khatab radiallahu anhuma berkata; ' Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W berkata, Islam itu didirikan atas lima perkataan'

ra: Menyaksikan bahwasanya Tuhan melainkan Allah, dan bahwasanya Muhammad itu pesuruh Allah (utusan Allah), mendirikan sembahyang, memberikan zakat, haji ke Baitullah (Mekah), dan puasa sebulan di bulan ramadhan "²⁴

Ibadat khusus ini tidak akan diterima oleh Allah seki-ranya seseorang itu tidak memenuhi syarat-syarat berikut;

- i. Ikhlas
- ii. Perbuatan yang dilakukan itu mestilah sesuai dengan syariat Islam.

2.2.2.1.1. Ikhlas

Ikhlas kepada Allah adalah satu perkara pokok dalam amalan atau pekerjaan seseorang Muslim. Sifat inilah yang menentukan sama ada sesuatu amalan atau pekerjaan itu diterima atau ditolak oleh Allah S.W.T. ²⁵ Ikhlas di sini bererti suci dalam ~~niat~~, bersih batin dalam beramal, tidak berpura-pura, lurus hati dalam bertindak, jauh dari riya' dan kemegahan dalam berbuat dan mengharapkan keredaan Allah semata-mata. ²⁶ Ia dilakukan tanpa mengharapkan keuntungan duniawi berupa pangkat, harta, kedudukan atau pujian orang. Dan tidak pula kerana takut atau terpaksa oleh sesuatu. ²⁷ Ini bermakna, diterimanya amal seseorang itu adalah bergantung kepada niat dan tujuannya, dan hanya amal yang dilakukannya dengan ikhlaslah yang akan diterima oleh Allah S.W.T sebagaimana affirmankan oleh Allah yang bermaksud;

" Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan ikhlas kepadaNya dalam (menjalankan) agama " ²⁸

Selain daripada itu, sikap ikhlas dalam ibadat dan amal menandakan kesempurnaan iman seseorang itu. Sebagaimana disabda-kan oleh Rasulullah S.A.W dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tarmizi;

" Barangsiapa yang menyintia kerana Allah, memberi kera-na Allah, dan menolak kerana Allah (enggan memberi) kerana Allah, maka ia telah menyempurnakan imannya"²⁹

Jelaslah kepada kita, bahawa niat ikhlas sangat penting dalam setiap amalan ibadat dan pekerjaan harian kita sebagai in-dividu Muslim.

2.2.2.1.2. Perbuatan yang dilakukan itu mestilah sesuai dengan syariat Islam.

Perbuatan tersebut ialah pekerjaan yang disertakan dengan niat yang baik, mengandungi objektif yang baik dan direddai oleh Allah. Dengan lain perkataan, perbuatan atau pekerjaan yang telah ditetapkan oleh syara^c, seperti berlaku adil, mencari reze-ki yang halal dan bersifat amanah dalam semua hal. Perbuatan atau pekerjaan itu juga tidak menghalang seseorang itu dari menu-naikan kewajipannya terhadap Allah.

Oleh yang demikian, perbuatan yang bertentangan dengan syara^c, seperti mengumpat, berjudi, minum arak, mencuri, berzina, berkhalwat dan sebagainya, bukan tergolong dalam ibadat, malah tidak dinamakan ibadat.

2.2.2.2. Ibadat Umum

Dalam konteks ibadat juga, keseluruhan tindakan dan amalan manusia, pekerjaan dan tugasnya sehari-hari, tidak dapat dipisahkan dari aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam istilah ibadat, jika tindakan dan amalan, pekerjaan dan tugas itu dilaksanakan dengan ikhlas dan jujur kerana patuh dan tunduk kepada undang-undang Allah.³⁰

Antara tindakan dan amalan manusia yang dimaksudkan itu, ialah seperti bercakap benar, merendahkan diri, menjalin hubungan silatur rahim, menghormati kedua ibubapa, mengajar orang yang jahil dan memberi pertolongan kepada orang yang susah semuanya di-katakan ibadat. Begitu juga dengan kewajipan menuntut ilmu, bekerja untuk mencari rezeki yang halal, nikah kahwin dan menjalankan tugas sebagai suami isteri seperti memenuhi syahwat masing-masing pun dikira ibadat, hingga-lah membina negara dan segala yang bersangkut paut dengannya sama ada dari segi politik, ekonomi, hak-hak yang bukan Islam dan kepentingannya, perhubungan antara-bangsa, hukum asas dalam masa perang dan damai, semuanya tergolong dalam ibadat, sekiranya dilakukan dengan niat dan tujuan yang baik.

Jelaslah kepada kita bahawa kerja-kerja harian dan tugas biasa yang kita lakukan dengan penuh ikhlas dan tidak bertentangan dengan syara^c akan termasuk dalam kategori ibadat dan men-

dapat ganjaran pahala daripada Allah.

2.3. Dalil Pensyariatan Ibadat Dalam Islam.

Dalil pensyariatan ini terdapat di dalam Al-Quran dan Hadith Nabi. Di antaranya ialah;

2.3.1. Dalil Dari Al-Quran

- i. " Dan tidaklah Aku (Allah) jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu " ³¹
- ii. " Dan tidaklah kamu diperintahkan melainkan untuk beribadat kepada Tuhan Yang Esa " ³²
- iii. " Wahai orang-orang yang beriman, ruku^clah kamu, sujudlah kamu dan beribadatlah kepada Tuhanmu " ³³
- iv. " Hendaklah kamu beribadat menyembah Tuhan kamu.... moga-moga kamu bertaqwa kepadaNya " ³⁴
- v. " Sesungguhnya mereka yang bertakabbur, enggan beribadat kepadaKu, akan masuk neraka jahanam dengan keadaan hina " ³⁵

Begitulah di antara ayat-ayat Al-Quran yang menggambarkan perintah Allah agar manusia beribadat kepadaNya, dengan harapan untuk mendapatkan taqwa dan sebagai menyempurnakan kewajipan

Ubudiyah kepada Allah. Sebaliknya, sesiapa yang enggan beribadat kepadaNya akan mendapat balasan siksa daripadaNya.

2.3.2. Dalil Dari Hadith

Selain daripada apa yang dipaparkan, ibadat juga adalah hak Allah ke atas makhlukNya.³⁶

Dalam hubungan ini, Rasulullah S.A.W telah bersabda dengan sabda baginda yang kira-kira bermaksud;

- i. " Hak Allah ke atas hambaNya ialah mereka beribadat menyembahNya, dan jangan sekali-kali mereka menyekutukan sesuatu denganNya " ³⁷
- ii. " Beribadatlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu memperseku~~tan~~Nya dengan sesuatupun " ³⁸

2.4. Hikmat Ibadat Dalam Islam.

Setiap perkara dan pekerjaan yang dilakukan semata-mata untuk Allah, sebenarnya mempunyai kelebihan-kelebihan yang tertentu, apatah lagi yang mempunyai hubungan langsung dengan Allah seperti beribadat kepadaNya, maka terdapat faedah dan hikmatnya. Antara hikmat-hikmat yang dimaksudkan itu ialah;

2.4.1. Sebagai Menepati Janji Terhadap Allah.

Ibadat merupakan amanah yang terbesar dari Allah Ta^ca-la, agar manusia memenuhi tuntutanNya. Firman Allah yang ber - maksud;

" Sesungguhnya Kami (Allah) telah mempelawakan ama - nah (tugas beribadat) kepada isi langit dan bumi serta bukit-bukau, semuanya enggan memikul bebanNya dan merasa takut hendak memikul, tetapi manusia sanggup me - mikul " ³⁹

Menunaikan amanah Allah dengan cara beribadat kepada - Nya merupakan satu sifat kesempurnaan yang harus dimiliki oleh manusia sebagai mengimani keesaanNya dan tanda mensyukuri sega - la nikmatNya, sekaligus meletakkan manusia kepada tahap yang pa - ling tinggi dan mulia di sisi Allah.

Jadi, dengan menunaikan amanah tersebut, manusia akan mendapat kebaikan dan kemuliaan, sebaliknya merupakan satu keza - liman sekiranya manusia enggan beribadat atau memikul tanggung - jawab sebagai hambaNya.

2.4.2. Sebagai Asas Keimanan Untuk Mencapai Kebahagiaan Di Dunia Dan Di Akhirat.

Ibadat sangat penting dan mempunyai pengaruh yang besar dalam mencapai ketenangan dan kebahagiaan seseorang individu Mus -

lim.

Disebabkan ibadat merupakan perhambaan dan penyerahan yang mutlak kepada Allah, maka dengan perhambaan itulah dapat melahirkan individu yang mengenali hakikati dirinya yang diciptakan oleh Allah, dan dalam masa yang sama beriman, beramal dan bertaqwah menurut ajaranNya hingga memakmurkan bumi Allah menuju kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

2.4. 3. Untuk Membentuk Peribadi Yang Mulia Dan Suci.

Manusia sebagai makhluk Allah semestinya menunaikan ibadat kepada Allah tanpa berdalih-dalih dan bersoal jawab lagi. Dengan menunaikan ibadat, manusia akan sampai ke peringkat yang tinggi dalam kehidupan rohani yang memberi sikap positif dan melatih kekuatan jiwa dan fizikal bagi orang-orang yang menunaikannya.

Ibadat juga akan kekal abadi dalam memberi manfaat kepada manusia selagi manusia memelihara dan tidak mengabaikannya.

Begitulah di antara hikmat-hikmat ibadat yang tiada tolok bandingnya, di mana kepentingan dan kemanfaatannya tidak dapat dipertikaikan lagi.

lim..

Disebabkan ibadat merupakan perhambaan dan penyerahan yang mutlak kepada Allah, maka dengan perhambaan itulah dapat melahirkan individu yang mengenali hakikat dirinya yang diciptakan oleh Allah, dan dalam masa yang sama beriman, beramal dan bertaqwa menurut ajaranNya hingga memakmurkan bumi Allah menuju kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

2.4. 3. Untuk Membentuk Peribadi Yang Mulia Dan Suci.

Manusia sebagai makhluk Allah semestinya menunaikan ibadat kepada Allah tanpa berdalih-dalih dan bersoal jawab lagi. Dengan menunaikan ibadat, manusia akan sampai ke peringkat yang tinggi dalam kehidupan rohani yang memberi sikap positif dan melatih kekuatan jiwa dan fizikal bagi orang-orang yang menunaikannya.

Ibadat juga akan kekal abadi dalam memberi manfaat kepada manusia selagi manusia memelihara dan tidak mengabaikannya.

Begitulah di antara hikmat-hikmat ibadat yang tiada tolok bandingnya, di mana kepentingan dan kemanfaatannya tidak dapat dipertikaikan lagi.

NOTAKAKI.

10. Abul A^c la Maududi, " Toward Understanding Islam " ,First Print, (Singapore: Pustaka Nasional.), m.s. 4
11. Hammudah Abлати, " Islam In Focus " , 4th Print, (Singapore: Muslim Youth Assembly), m.s. 7
12. Abdul Karim Zaidan.(Dr.), " Dasar-dasar Ilmu Dakwah 1 " Cetakan Ke 3, (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1987), m.s. 4
13. Surah Ali-^c Imran, Ayat 19
14. Surah Ali-^c Imran, Ayat 85
15. Yusuf Qardawi (Dr.), "Al-^cIbadat Fil Islami", Cetakan ke 5, (Beirut: Muassasas ar-Risalah, 1977), m.s. 27
16. Syahminan Zaini (Drs.), " Mengapa Manusia Harus Beribadah " (Surabaya: Al - Ikhlas), m.s. 11
17. Abul A^cla Maududi, " Pengertian Agama, ^cIbadah Dan Ketuhanan Yang Maha Esa Dalam Al - Quran ", Mahyuddin Syaf (pt), (Bandung: SV Sinar Baru, 1986), m.s. 112
18. H. Idris Ahmad S.H (Ust.), " Fiqh Shafi^ci ", Jilid Pertama, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1982), m.s. 3
19. Haji Dasuki Haji Ahmad. et al. , " Islam Dari Kacamata Intelek ", Cetakan Pertama, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia, 1983), m.s. 93
20. T.M Hasbi Ash- Shiddieqy, " Kulliah^cIbadat ", Cetakan Ke 4, (Djakarta: Penerbitan Bulan Bintang, 1968), m.s. 10
21. Abu Urwah, " Risalah Usrah 1 " , Cetakan Pertama, (Kuala

Lumpur: Pustaka Salam, 1988), m.s. 45

22. _____, " Dasar-dasar Islam " , Buku Teks Pendidikan Agama Islam Pada Perguruan Tinggi Umum, Cetakan Ke 3, (Jakarta: PT Bulan Bintang, 1987), m.s. 298
23. Haji Dasuki Haji Ahmad, et al, op. cit, m.s. 95
24. Hadith Diriwayatkan Oleh Bukhari dan Muslim.
25. Mohd. Akhir Yaacob, (Ust.), " Ikhlas Dalam Amalan ", Cetakan Pertama, (Selangor: Penerbitan Hizbi, 1987), m.s. 1
26. Sidi Gazalba, (Drs.), " Asas Agama Islam-Perbahasan Ilmu Dan Filsafat Tentang Rukun Islam. Ihsan. Ikhlas. Taqwa " , Cetakan Pertama, (Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang, 1975), m.s. 189
27. Sayid Sabiq, " Inilah Islam " , (Indonesia: Penerbitan CV Toha Putra Semarang), m.s. 51
28. Surah Az-zumar, Ayat 11
29. Hadith Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tarmizi.
30. Haji Dasuki Haji Ahmad, et al, op.cit, m.s. 97
31. Surah Az-zariat, Ayat 56
32. Surah At-taubah, Ayat 31
33. Surah Al- haj, Ayat 77
34. Surah Al- Baqarah, Ayat 21
35. Surah Al- Ghafir, Ayat 60

36. Yusuf Al- Qardhawi, "Matlamat Dan Tujuan Ibadah Dalam Islam", Ustaz Hj. Hassan Idris (pt.), Cetakan Ke 3, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1986), m.s. 27
37. Hadith yang diriwayatkan oleh Al- Bukhari dan Muslim.
38. Hadith yang diriwayatkan oleh At-tobrani.
39. Surah Al- Ahzab, Ayat 72

BAB KETIGA

IBADAT: KEFAHAMAN DAN AMALANNYA DI-KALANGAN SAUDARA BARU DI KAMPUNG BE-LIMBIN, DARUL ISLAM, PEDAWAN, KUCHING SARAWAK.

3.1. Ringkasan Latarbelakang Tempat Kajian

a: Pengenalan Orang Bidayuh.

Dayak Darat atau lebih dikenali sebagai orang Bidayuh, merupakan penduduk yang awal di negeri Sarawak. Mengikut lagenda, mereka datang ke Sarawak dari Sungkong di Kalimantan Indonesia, kira-kira 20 generasi sebelum ledakan Gunung Krakatao. Mereka menetap di kawasan sekeliling Gunung Penrissen, dan keadaan perompak dan lanun-lanun dari Laut Sulu telah datang memaksa mereka untuk berhijrah semakin jauh ke pedalaman untuk mencari perlindungan⁴⁰, terutamanya di kaki-kaki gunung, di pinggir-pinggir sungai dan di atas bukit yang curam.

Sebanyak 98 % daripada orang Bidayuh tinggal di sebuah kawasan kecil di pedalaman negeri Sarawak terdiri daripada 4 daerah yang berdekat-dekatan di Bahagian Pertama - Serian, Luar Bandar Kuching, Bau dan Lundu.⁴¹

Orang Bidayuh adalah kumpulan penduduk Bumiputera yang

ketiga besarnya di Sarawak selepas penduduk Iban dan Cina.

Mereka terbahagi kepada 4 kumpulan etnik, iaitu;⁴²

- i) Bukar Sadong - yang terdapat di Hulu Sadong, Serian.
- ii) Bipuruh - terdapat di dalam daerah Kuching.
- iii) Bau Jagoi - yang terdapat di daerah Bau.
- iv) Selako Lara - yang terdapat di daerah Lundu.

Keempat-empat kumpulan ini semuanya terdapat di Bahagian Pertama, Sarawak. Mereka tinggal di rumah panjang, dan merupakan satu kaum yang suka bekerjasama dan tolong menolong di antara satu sama lain, yang diwarisi daripada nenek moyang mereka dahulu.

Sebagai contoh, bila tibanya perayaan Gawai mereka bekerjasama membuat persiapan untuk menyambut hari tersebut.

Lebih kurang 80 % Dayak Bidayuh di Sarawak terdiri daripada petani, dan 20 % bekerja di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan firma-firma tempatan dalam pelbagai bidang, manakala ramai lagi mereka bekerja sebagai buruh biasa.⁴³

Ditinjau dari sudut keagamaan, kebanyakkan daripada Dayak Bidayuh percaya kepada Tuhan yang mereka panggil 'Tapa Riyuh' atau 'Tuhan Yang Maha Kuasa', dan mereka juga percaya kepada kehidupan selepas mati. Oleh itu orang Bidayuh pada masa lampau membakar mayat orang mati untuk mengetahui sama ada seseorang itu mati berdosa atau tidak. Selain daripada itu, mereka juga perca-

ya kepada semangat-semangat jahat yang wujud di dunia ini. 44

Kini, perubahan-perubahan kemasyarakatan di Sarawak telah banyak berlaku. Oleh itu ramai daripada orang Bidayuh menjadi Kristian dan setengah-setengah daripada mereka juga telah menganut agama Islam.

b: Latarbelakang Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan, Kuching, Sarawak.

Kampung Belimbin atau lebih dikenali dengan Darul Islam, adalah salah sebuah perkampungan saudara baru yang berketurunan Bidayuh di Bahagian Pertama, Sarawak. Letaknya di Pedawan, kira-kira 40 batu dari bandar Kuching.

Kampung Belimbin yang merangkumi kawasan seluas 17 ekar tanah dan mempunyai penduduk berjumlah 580 orang adalah sebuah perkampungan Bidayuh yang ulungkali diislamkan oleh pihak tentera pada tahun 1970. Inisiatif pengislaman tersebut dijalankan ketika pihak tentera bertugas dan membuat operasi di sekitar pergunungan yang berhampiran dengan kampung tersebut. Ketika itu penduduk Bidayuh masih tinggal di kaki-kaki gunung, kira-kira 2 batu dari tempat kediaman mereka sekarang.

Meninjau kembali sejarah pengislaman di Kampung Belimbin, orang yang mula-mula sekali menganut agama Islam ialah Penghulu dan Ketua Kampung tersebut, kemudian diikuti oleh anak-anak buahnya. Pada tahun 1975, seluruh penduduknya telah beragama Islam. Sungguhpun mereka telah menganut agama Islam ketika itu, tetapi mereka masih berpegang kuat dengan adat resam mereka. Contohnya, mereka masih memelihara babi dan percaya kepada 'Badi

Mayat ', menyebabkan mereka takut memegang mayat dan tidak berani keluar dari rumah bila ada kematian dari kalangan mereka.

Tetapi, sejak tahun 1978 keadaan hidup mereka telah mula berubah. Dengan bantuan daripada Kerajaan Libya, BINA telah mengubah dan memperbaiki taraf kehidupan mereka serta membalkan aqidah dan kepercayaan mereka, yang sesuai dengan Islam. BINA juga telah membina sebuah surau, mengubahsuai rumah panjang yang mereka diami sekarang, di mana boleh memuatkan 58 keluarga dan menempatkan 2 orang guru agama.

Kemudahan asas yang didapati di sini adalah serba sendirhana sekali. Selain daripada bekalan letrik yang diperolehi dengan menggunakan generator, kampung ini juga mempunyai air paip yang didapati dari gunung. Terdapat juga sebuah mesin padi (beras) untuk kegunaan orangramai. Selain daripada itu, terdapat sekolah rendah dan sekolah menengah yang berhampiran dengan kampung tersebut.

Dari aspek ekonomi, kira-kira 90 % daripada penduduknya bergantung kepada hasil pertanian seperti berkebun dan bersawah secara kecil-kecilan yang hanya cukup untuk sara diri. Hanya gelintir sahaja yang bekerja dengan kerajaan dan badan-badan berkanun.

Jika dibandingkan dengan perkampungan Bidayuh lain di Bahagian Pertama, Sarawak, Kampung Belimbin merupakan sebuah perkampungan yang terbaik. Ini disebabkan Islam di kalangan mereka lebih menonjol, dan sikap terbuka yang ada pada mereka lebih memudahkan lagi bagi para pendakwah untuk berdakwah di kampung tersebut. Suasana dan keadaan hidup mereka juga seperti masyarakat Melayu Islam yang lain. Maka tidak hairanlah kampung ini mendapat tempat di hati pelawat atau orang luar, pelajar-pelajar universiti tempatan dan pendakwah-pendakwah.

3.2. Ibadat: Kefahaman Dan Amalannya Di Kalangan Saudara Baru.

Satu Kajian Khusus Di Kampung Belimbin, Darul Islam, Pedawan, Kuching, Sarawak.

Ditinjau dari perspektif Islam, matlamat sebenar hakikat penciptaan manusia ialah untuk memperhambakan diri dan cinta kepada kepada Allah serta mengikhlaskan diri mereka dalam setiap tindak tanduknya, lebih-lebih lagi bila beribadat kepadaNya. Beribadat di sini bukanlah terbatas kepada sembahyang, puasa, haji dan zakat malah setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang dari sekecil-kecil hingga sebesar-besarnya selagi tidak bercanggah dengan hukum dan peraturan Allah S.W.T, maka segalanya tergolong dalam ibadat dengan syarat tidak menghalang mereka dari menunai-kan kewajipan kepadaNya. Dalam hal ini, berusaha untuk dunia dan menitikberatkan soal keakhiratan adalah penting dalam Islam, sebaliknya sia-sialah usaha dan pekerjaan seseorang itu sekira -nya mereka mengabaikan tanggungjawabnya sebagai individu Muslim atau enggan beribadat kepada Allah.

Sebenarnya, dengan beribadat kepada Allah S.W.T manusia akan dapat memperkuatkan keimanannya, membersih jiwanya dan melalui ibadat juga manusia dapat berhubung secara langsung dengan Allah dan menimbulkan rasa takut dan rasa rendah diri terhadapNya. Tidak kurang pula ibadat membaiki dan membentuk akhlak dan periba-

di individu dan masyarakat.

Tetapi keistimewaan dan pengertian ibadat masih dipandang ringan dan dipersempitkan oleh setengah-setengah golongan. Mereka membataskan ibadat itu pada waktu-waktu yang tertentu dan pada perkara-perkara yang tertentu. Kebanyakkannya membataskan kepada rukun Islam yang lima. Dan kadangkala suasana dan cara hidup mereka tidak mengikut landasan Islam, jauh sekali untuk beribadat kepada Allah meskipun ada segelincir daripada mereka yang faham akan konsep ibadat.

Menyentuh kepada permasalahan saudara baru, ibadat di kalangan mereka masih dipertikaikan dan ada pula segelintir daripada orang Melayu mencurigai keikhlasan mereka bila memeluk agama Islam. Setengah daripada saudara baru yang memeluk agama Islam untuk menjadikannya sebagai 'tiket' untuk berkahwin. Setelah berkahwin dan disebabkan kesibukan keluarga, mereka tidak lagi memperdalamkan pengetahuan agama Islam.

Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa ada segelintir daripada mereka yang serius dalam mempelajari agama Islam, dan golongan ini tidak menghadapi masalah yang remeh temeh itu. Malah keadaan hidup mereka seperti orang Melayu Islam yang lain, dengan kata lain beribadat kepada Allah setelah memeluk agama

ama Islam, dan tidak keterlaluan ada di kalangan mereka yang pengamalan Islam dan ibadatnya lebih baik daripada orang Melayu Islam yang lahir dari keluarga Islam.

Menyedari akan hakikat inilah penulis amat berminat untuk meninjau bagaimana kefahaman dan amalan ibadat di kalangan mereka, agar mendapat gambaran yang sebenarnya.

3.2.1. Kefahaman Saudara Baru Bidayuh Tentang Ibadat.

Setelah membuat kajian serta penelitian di kalangan saudara baru di Kampung Belimbin, hasilnya adalah seperti berikut;

- 1) Faham Sepenuhnya Tentang Ibadat
- 2) Tidak Faham Sepenuhnya Tentang Ibadat
- 3) Tidak Faham Langsung Tentang Ibadat

Kajian ini adalah meliputi semua golongan di kampung tersebut, tetapi penulis sempat menebual seramai 20 orang untuk mewakili penduduk Kampung Belimbin.

Dari jumlah yang ditemubual, hanya seorang sahaja yang dikira betul-betul faham tentang ibadat dalam Islam dan kalau mengikut perkiraan peratus, ianya 5 % sahaja. Manakala yang tidak faham sepenuhnya sebanyak 25 % dari 5 orang responden dan seramai

19 orang tidak faham langsung tentang ibadat iaitu sebanyak 70 % (mengikut perkiraan peratus). Untuk lebih jelas lagi, penulis akan menyenaraikannya mengikut bilangan responden, bentuk-bentuk kefahaman mereka dan jumlah peratus dari bentuk kefahaman tersebut.

Jadual: 3

Kefahaman Saudara Baru Bidayuh Tentang Ibadat.

Bil. Responden	Bentuk Kefahaman	Peratus
1	Faham Sepenuhnya	5 %
5	Tidak Faham Sepenuhnya	25 %
14	Tidak Faham Langsung	70 %
<u>Jumlah:</u>		<u>100 %</u>

Daripada temubual yang dijalankan dengan golongan pertama, ternyata mereka memberi pengertian ibadat, menyatakan syaratnya serta perbuatan-perbuatan yang disuruh dan dilarang oleh Allah. Meskipun mereka menyatakannya secara kasar, tetapi penu-

lis rasa ini sudah jelas membuktikan bahawa mereka boleh memahami apakah yang dimaksudkan dengan ibadat. Dan penulis kategorikan mereka ini sebagai golongan yang faham sepenuhnya tentang ibadat jika dibandingkan dari dua golongan yang berikutnya.

Bila ditanya tentang pekerjaan yang disuruh dalam Islam, mereka tidak ragu-ragu menyatakan bahawa setiap perbuatan atau sebarang pekerjaan yang dituntut oleh Islam, apatah lagi mendatangkan rezeki yang halal, adalah perlu setiap individu membaca 'Bismillah' sebelum memulakan sebarang pekerjaan yang baik dan bersyukur dengan apa yang diperolehi dengan mengucap 'Alhamdulillah'. Begitu juga sebelum dan sesudah makan atau minum, mereka selalu mengamalkannya.

Mereka juga berpendapat bahawa perbuatan seperti mencuri, minum arak adalah bercanggah dengan Islam dan tidak dinamakan ibadat. Ini bermakna mereka boleh membezakan di antara suruhan dan larangan atau yang mana halal dan yang mana haram dalam Islam.

Begitu juga bila ditanya tentang menuntut ilmu, nikah kahwin, menolong orang susah dan menghormati kedua orang tua, maka juga menyatakan bahawa semua perkara tersebut termasuk dalam ibadat dan sememangnya dituntut oleh Islam untuk melakukannya.

Seterusnya menyatakan bahawa sesuatu pekerjaan biarpun dilakukan dengan ikhlas tetapi pekerjaan itu tidak betul atau bukan disuruh oleh Islam, maka tidak diterima oleh Allah Ta^cala. Begitu juga jika perbuatan yang betul tetapi dilakukan dengan cara yang tidak ikhlas, pun tidak diterima oleh Allah. Mereka berpendapat hanya niat yang baik dan kerja yang baik atau halal sahaja yang dikatakan ibadat dan diterima oleh Allah.

Kesimpulannya, golongan pertama berpendapat bahawa ibadat itu bukan sahaja mengerjakan sembahyang, puasa di bulan ramadhan, zakat dan haji malah meliputi seluruh kehidupan individu Muslim selagi tidak bertentangan dengan Islam.

Bagi golongan kedua, mereka membataskan ibadat kepada perkara-perkara yang asas dalam Islam, seperti sembahyang, dan puasa sahaja. Bila ditanya tentang zakat dan haji, kebanyakannya tidak tahu dan masih masih samar-samar apakah ianya termasuk dalam ibadat atau tidak. Hal ini berlaku mungkin disebabkan kecenderungan dan kepekaan mereka setelah menganut agama Islam atau mula-mula menganut agama Islam dahulu lebih menekankan kepada soal sembahyang dan puasa sahaja. Sebagai contoh, bila golongan ini ditanya tentang hubungan suami isteri sama ada dari segi melayan suami, memberi nafkah, pergi ke masjid, bersedekah dan men-

jaga kebersihan, mereka tidak dapat memberi penjelasan yang tepat. Maksudnya, mereka berpendapat bahawa perkara tersebut merupakan satu kebiasaan sahaja dan tidak dinamakan ibadat. Ini bererti mereka belum memahami hakikat sebenar akan perkara-perkara yang ada hubungkait dengan ibadat. Antara faktor-faktor inilah bila ditanya tentang bekerja mencari rezeki, melayan tetamu, mengziarahi saudara mara atau jiran tetangga yang sakit, makan minum, tidur dan sebagainya, mereka hanya menggelengkan kepala dengan tidak memberi jawapan atau penjelasan sama ada ianya dikatakan ibadat atau tidak.

Kesimpulannya, sungguhpun mereka dengan sepenuh hati menerima Islam sebagai cara hidup mereka, tetapi dalam mengkategorikan perbuatan atau perkara sama ada dituntut oleh Islam atau tidak, mereka tidak dapat membezakannya kerana ketidakfahaman mereka yang menebal, malah mempunyai pemikiran yang sempit dan terbatas mengenai ibadat.

Hasil dari temubual golongan ketiga pula, kefahaman mereka tentang ibadat masih berada di peringkat yang lembab. Dengan lain perkataan, mereka tidak memahami langsung apakah yang dimaksudkan dengan ibadat dan perkara-perkara yang tergolong dalam ibadat.

Ketiga-tiga golongan yang ditimbulkan adalah terdiri daripada pemuda-pemudi kampung, pelajar, suami isteri dan golongan tua dengan tidak mengira sama ada lelaki atau perempuan.

3.2.1.1. Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kefahaman Saudara Baru Bidayuh Tentang Ibadat.

Meskipun peratus kefahaman di kalangan saudara baru masih berada di tahap yang rendah, iaitu hanya 5 % sahaja, tetapi ini patut dibanggakan juga daripada tidak memahaminya langsung. Kalau dikaji dengan sebenarnya, adalah dikira mustahil kalau ada di kalangan mereka yang benar-benar faham akan ibadat memandangkan taraf kehidupan dan pendidikan yang tidak formal di kalangan mereka. Tetapi adalah tidak mustahil kalau terdapat daripada mereka yang faham tentang ibadat sekiranya mereka benar-benar menghayati Islam dengan mempelajarinya secara mendalam, dan kalau pun tidak, sekurang-kurangnya faktor lain yang boleh mempengaruhi ketidak, faktor-faktor yang penulis maksudkan ialah;

- a: Usaha Dakwah Dari BINA
- b: Kedudukan Kampung Dan Kemudahannya, dan
- c: Adanya Penempatan Guru Agama.

3.2.1.1 (a) Usaha Dakwah Dari BINA

Sungguhpun pengembang agama Kristian agak ketara dan berjaya di pedalaman Sarawak, tetapi ini tidak melemahkan semangat dan usaha BINA untuk berdakwah di kalangan saudara baru di Sarawak, khususnya di Kuching. Ini jelas terbukti bila BINA dalam usaha-usaha dakwahnya telah berjaya mempengaruhi penduduk-penduduk Kampung Belimbin atau Darul Islam, Pedawan, untuk menerima Islam sebagai cara dan tradisi hidup mereka dan setakat ini tidak terdapat seorang pun daripada saudara baru Bidayuh murtad sejak memeluk agama Islam pada 20 tahun yang lalu.

Antara usaha-usaha BINA yang penulis maksudkan ialah dalam bidang pelajaran, BINA telah menubuhkan Institut Dakwah BINA yang dijadikan sebagai pusat latihan yang berhubung dengan kegiatan dan perkembangan Islam, seperti mengadakan kursus-kursus khas untuk saudara baru. Kursus-kursus yang telah diadakan adalah berkisar dalam bidang Ibadat, Tauhid dan Sejarah dengan tujuan untuk memberi penekanan dan kefahaman mereka tentang agama Islam.

BINA juga mengadakan ceramah dan lawatan ke Kampung Belimbin. Ini sering dilakukan oleh BINA agar mereka sentiasa terdedah dengan ajaran Islam dan seluk beluk agama, sekuarang-kurangnya untuk mengwujudkan suasana persaudaraan dengan penduduk kam-

pung tersebut agar mereka tidak rasa terasing dan terbiar.

Antara faktor-faktor inilah BINA selalu membuat tinjauan dan lawatan ke kampung tersebut, dan kadang kala memberi bantuan berupa wang ringgit dan pakaian kepada mereka demi menjinakkan hati mereka.

Perhatian yang diberikan oleh pihak BINA sedikit demi sedikit telah mengubah corak penghidupan mereka, secara langsung kefahaman mereka tentang ibadat amat menggalakkan.

3.2.1.1 (b) Kedudukan Kampung Dan Kemudahannya

Jika dibandingkan dari kampung-kampung saudara baru dipedalaman yang lain, Kampung Belimbin boleh dikatakan agak dekat dari bandar Kuching. Pengangkutan seperti bas yang berulang alik di kampung tersebut memudahkan mereka untuk keluar ke bandar Kuching atau berhubung dengan badan-badan dakwah seperti BINA dan Majlis Islam, Sarawak. Kemudahan seperti ini diambilkira kerana dengan adanya kemudahan dan perkhidmatan tersebut dapat juga membantu mereka dalam mempertingkatkan pengetahuan agama Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Sebagai contoh, bila adanya kursus-kursus atau program agama diadakan di Majlis Islam, Sarawak, mereka dengan mudahnya mendapatkan bas untuk pergi balik. Dalam hal ini, terutamanya untuk mengikuti aktiviti-aktiviti agama, masalah pengangkutan tidaklah timbul di ka-

langan mereka. Ini disebabkan kedudukan kampung mereka yang strategik. Maksud penulis strategik di sini ialah, sebelum pendakwah atau pegawai-pegawai BINA meneruskan usaha dakwah mereka ke kampung-kampung di pedalaman yang lain, mereka terlebih dahulu singgah di Kampung Belimbin dan kadang kala bermalam di situ. Dengan kesempatan yang agak singkat ini, pendakwah-pendakwah dapat juga memberi ceramah agama selepas sembahyang magrib. Ini bermakna, mereka sentiasa disajikan dengan perkara-perkara yang berhubung dengan agama dan ibadat.

Dengan kedudukan kampungnya yang strategik juga, ia telah menarik perhatian orang luar untuk melawat dan berdakwah ke kampung tersebut. Tidak kurangnya pula, terdapat daripada pelajar-pelajar universiti yang membuat tinjauan ke kampung tersebut dengan memberi ceramah-ceramah agama dan pertemuan ringkas dengan penduduk kampung. Sambutan yang menggalakkan dari penduduk Kampung Belimbin merupakan salah satu daripada faktor mengapa terdapatnya daripada mereka yang faham tentang ibadat, malah kerjama yang mereka berikan kepada badan-badan dakwah seperti BINA tadi, memudahkan mereka untuk berinteraksi dengan pihak BINA dalam hal-hal tertentu.

3.2.1.1 (c) Adanya Penempatan Guru Agama

Selain daripada faktor-faktor yang disebutkan tadi, dengan adanya penempatan para guru di perkampungan tersebut boleh dikatakan berperanan sebagai alat pemudah dalam mengembangkan pemikiran mereka, sekaligus memberi galakan dan dorongan kepada penduduk kampung agar sentiasa peka terhadap perkembangan semasa.

Guru-guru yang bermastautin di situ telah mengadakan beberapa program, contohnya seperti menganjurkan seni mempertahankan diri atau silat, nasyid untuk murid-murid sekolah rendah dan menengah, mengadakan majlis zikir dan berjanzi, dan tidak kurang pula mengajar mereka membaca Muqaddam dan Al-Quran serta cara mengambil wudu^c dan cara-cara mendirikan sembahyang. Program yang dianjurkan setiap minggu ini, kebanyakannya mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar.

Tujuan program dijalankan ialah untuk membantu para pelajar atau penduduk Kampung supaya mendapat maksud dan tujuan ilmu Islam secara menyeluruh, di mana memberi pendedahan kepada mereka supaya lebih bersikap berani, progresif, innovatif dan berjiwa tinggi serta mempunyai tanggungjawab kepada manusia, alam dan Khaliqnya.

Berasaskan kepada program-program seperti yang tersebut di atas, maka didapati ramai daripada ibubapa memberi sokongan terhadap anak-anak mereka untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti agama, sama ada dianjurkan oleh BINA atau guru-guru agama di situ.

Dengan itu, jelaslah bahawa rancangan ilmu agama yang dijalankan berlanjutan dengan lebih kritikal dalam mempertingkatkan daya pemikiran dan kefahaman mereka tentang konsep ibadat, meskipun tidak menyeluruh. Kerana ia dijalankan peringkat demi peringkat sebagai kemudahan saudara baru di Kampung Belimbin.

Begitulah di antara faktor-faktor yang lebih menonjol dalam mempengaruhi kefahaman mereka tentang ibadat hingga memberi kesan yang positif terhadap mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung.

3.2.1.2. Faktor-faktor Ketidakfahaman Mereka Tentang Ibadat.

Bila membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan kefahaman mereka, maka tidak kurangnya pula terdapat beberapa faktor-faktor lain yang menyebabkan ketidakfahaman mereka, khususnya dalam bidang ibadat. Antara faktor-faktor yang penulis maksudkan itu ialah;

- a: Kejahilan
- b: Kekurangan Tenaga Pengajar
- c: Aktiviti Agama Yang Bercampur Aduk
- d: Kurang Perhatian Dalam Bidang Ibadah
- e: Kekurangan Ahli Dakwah Dalam Pelbagai Bidang
- f: Kekurangan Alat Perhubungan
- g: Kekurangan Bahan Bacaan Ringan Mengenai Ibadat Dan Makan Minum Dalam Bahasa Bidayuh, dan
- h: Masalah Ekonomi Di Kalangan Saudara Baru.

3.2.1.2 (a) Kejahilan

Kejahilan atau ketiadaan ilmu di kalangan orang-orang Bidayuh di masa lampau, kebanyakannya diwarisi oleh sebahagian daripada mereka.

Peratus kejahilan dan buta huruf di kalangan mereka amatlah tinggi, terutamanya dari golongan tua di kampung tersebut. Ini menghalang mereka untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bi-

dang, khususnya dalam bidang agama dan ibadat itu sendiri.

Untuk menyelesaikan keadaan ini tentulah memakan masa yang panjang dan memerlukan kepada tenaga, kewangan dan usaha yang gigih dari semua pihak. Selagi kejahilan di kalangan mereka tidak diselesaikan, selagi itulah kejahilan menguasai kehidupan mereka malah sukar untuk mencapai kemajuan baik dari segi fizikal maupun spiritual.

3.2.1.2 (b) Kekurangan Tenaga Pengajar

Kekurangan guru-guru agama yang berkemampuan dalam bidang agama merupakan salah satu daripada faktor ketidakfahaman mereka. Kalau dibandingkan dengan 2 orang agama yang memberi bimbingan di kampung tersebut adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan penduduknya yang hampir berjumlah 600 orang.

Ketiadaan guru-guru agama wanita juga menimbulkan masalah terhadap suri rumah atau kaum wanita di kampung tersebut dalam perkara-perkara yang berhubung dengan masalah kewanitaan dan rumahtangga dalam Islam, sama ada yang berkaitan dengan duniai ataupun ukhrawi (keakhiratan).

Jadi, kekurangan tenaga pengajar di kampung tersebut, merupakan masalah yang besar yang dihadapi oleh mereka sekarang.

3.2.1.2 (c) Aktiviti Agama Yang Bercampur Aduk

Menyentuh kepada aktiviti-aktiviti agama yang dijalankan, kebanyakannya lebih menekan kepada aktiviti luaran, dan memberi penekanan terhadap proses pembelajaran secara umum sahaja. Contohnya, dalam mempelajari ilmu, ianya tertumpu kepada cara-cara mengambil wudu^c dan cara-cara mendirikan sembahyang sahaja.

Begitu juga dengan cara pembahagian kelas bimbingan agama, persediaan secara khusus sama ada sistem pelajaran atau kelas tertentu untuk pelajar dan golongan tua tidak diberi perhatian yang wajar baik dari segi kuantiti maupun kualitinya. Implikasinya, mutu pelajaran agama agak merosot di kalangan mereka. Mereka memahami realiti agama Islam dalam bentuk yang tersendiri dari suatu sudut yang amat sempit dan terbatas.

Oleh yang demikian, pendekatan yang sesuai dan menyampaikan pelajaran agama atau pengetahuan agama mengikut sukanan pelajaran yang sedia ada hendaklah ditekankan untuk mendatangkan hasil sepetimana yang diharap-harapkan.

3.2.1.2 (d) Kurang Perhatian Dalam Bidang Ibadah

Dari jumlah saudara baru yang ditemubual, kebanyakannya tidak dapat memberi jawapan yang positif terhadap perkara dan usaha-usaha yang tergolong dalam ibadat. Salah satu daripada masalahnya ialah kurang melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti agama seperti ceramah dan kelas bimbingan yang telah dijalankan. Secara rasionalnya, alasan setengah-setengah daripada mereka yang menganggap letih atau tidak ada masa terluang sebagai satu halangan adalah kurang tepat.

Walau apapun sebab yang sebenarnya, perkara yang jelas berlaku ialah tidak mengambil berat dalam perkara ehwal semasa yang berkaitan dengan ilmu dan tanggungjawab. Memadai boleh bersembahyang, puasa dan boleh memahami sedikit hukum di sekitar faru'ain atau memadai mengucap dua kalimah syahadah sebagai mengakhtirafkan diri beragama Islam.

Dari suatu sudut yang lain, nilai-nilai tradisi masyarakat Bidayuh yang rajin bekerja telah melalaikan mereka untuk beribadat kepada Allah. Mungkin mereka tidak didedah dan dilatih dengan betul cara-cara untuk berbakti kepada Allah, ataupun kemungkinan kejahilan yang turun temurun melambatkan para pendakwah untuk menyelesaikan permasalahan tersebut.

Oleh yang demikian, kesedaran beragama yang telah wujud amat perlu kepada ' follow-up ' dari kesedaran tadi.

3.2.1.2 (e) Kekurangan Ahli Dakwah Dalam Pelbagai Bidang

Sungguhpun BINA merupakan salah sebuah pertubuhan Islam yang giat menjalankan kegiatan dakwah di kalangan saudara baru, tetapi meneliti kepada ahli-ahli dakwahnya amatlah berkurangan dalam menyampaikan ajaran dan pengetahuan Islam kepada saudara baru.

Di Kampung Belimbin, semenjak kebelakangan ini, cuma seorang sahaja pegawai BINA menjalankan usaha dakwah di perkampungan tersebut. Kekurangan mereka (pendakwah) dalam berbagai bidang umpannya dalam bidang ekonomi, kebajikan masyarakat dan perubatan mendatangkan masalah terhadap saudara baru dalam mencapai sebarang kemajuan dan pengetahuan.

3.2.1.2 (f) Kekurangan Alat Perhubungan

Dalam membincarakan masalah ketidakfahaman saudara baru tentang ibadat, perhubungan dan pengangkutan tidak kurang pentingnya untuk pendakwah-pendakwah menyampaikan seruan Islam kepada masyarakat saudara baru. Sebagai contoh, peruntukan sebuah Land Cruiser kecil untuk kegunaan pendakwah-pendakwah dari BINA tidaklah

mencukupi dalam menyampaikan tujuan mereka di kalangan saudara-saudara baru di pedalaman. Masalah tersebut kadang kala menjaskan minat dan tugas mulia para pendakwah. Risikonya, saudara baru di pedalaman kurang diberi perhatian dalam semua perkara lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan ibadat.

3.2.1.2 (g) Kekurangan Bahan Bacaan Ringan Mengenai Ibadat Dan Makan Minum Dalam Bahasa Bidayuh.

Kebanyakkann suku-suku kaum orang Bidayuh tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan kadang kala sukar untuk mereka memahami dengan sepenuhnya. Meskipun terdapat daripada mereka yang mendapat pendidikan setakat Darjah 6 dan pandai membaca dan menulis, tetapi mereka tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia dengan betul.

Berdasarkan kepada masalah inilah kecenderungan dan minat mereka agak terjejas dalam memperdalamkan ilmu dan pengetahuan agama. Bahkan kekurangan bahan bacaan ringan mengenai ibadat dalam masa yang sama telah mempengaruhi ketidakfahaman mereka dalam bidang ibadat dan aspek-aspek lain.

3.2.1.2 (h) Masalah Ekonomi Di Kalangan Saudara Baru

Masalah ekonomi tidak kurang pula hebatnya. Saudara baru menghadapi masalah kewangan yang lumrahnya diketahui oleh semua pihak. Dengan masalah kewangan ini sudah pasti perkembangan ilmu mereka merosot, kerana terdapat daripada mereka tidak berkemampuan untuk membeli telekung dan tikar sembahyang. Hal yang sama juga berlaku bila kursus agama yang diadakan di bandar Kuching, kadang kala mereka tidak dapat menyertainya kerana hasil pendapatan mereka hanya cukup untuk keperluan sehari-hari dalam kadar yang paling rendah.

Jadi, faktor ekonomi juga boleh mempengaruhi ketidakfahaman mereka dalam aspek agama dan ibadat.

Begitulah di antara masalah-masalah yang lebih jelas dan menonjol yang berlaku di kalangan saudara baru di Kampung Belimbin yang difikirkan mempengaruhi kedudukan mereka dalam kegiatan-kegiatan ilmiah.

3.2.2. Amalan Ibadat Di Kalangan Saudara Baru Di Kampung Belimbin, Darul Islam, Bedawan, Kuching.

Ruang lingkup ibadat di dalam Islam amat luas sekali. Ianya merangkumi setiap amalan dan pekerjaan manusia sama ada berkaitan dengan individu maupun masyarakat.

Oleh yang demikian, penulis rasa perlu mengetahui sejauhmana amalan-amalan ibadat dan ruang lingkupnya di kalangan saudara baru, apakah ia dilaksanakan berdasarkan kefahaman beragama, kebiasaan hidup atau adat resam. Untuk lebih jelas lagi, penulis mengkategorikan amalan ibadat tersebut kepada dua bahagian.

i - Dari Sudut Ibadat Khusus

Penulis akan membicarakan penglibatan responden dalam sembahyang 5 waktu, sembahyang Jumat, puasa sebulan di bulan ramadan, zakat dan haji.

ii- Dari Sudut Ibadat Umum.

Amalan ibadat umum yang penulis maksudkan di sini ialah amalan ibadat yang merangkumi aspek sosial penduduk Kampung Belimbin. Atau dengan kata lain lebih menekan kepada urusan-urusan harian mereka yang meliputi perkara-perkara sunat dan wajib. Antaranya ialah batasan aurat, aspek ekonomi sama ada mereka bekerja mencari rezeki menganggapnya ibadat atau tidak, cara pergaulan a-

tau hubungan sosial mereka, perkahwinan, pendidikan dan sambutan Hari Raya Puasa di kalangan mereka.

3.2.2 (i) Amalan Ibadat Khusus

a. Penglibatan Responden Dengan Sembahyang 5 Waktu

Tindakbalas Responden	Bil. Responden	Peratus
Tidak pernah sembahyang yang	5	25 %
Sembahyang antara 5 - 4 waktu	-	-
Antara 1 - 3 waktu	15	75 %
Lima waktu	-	-
<u>Jumlah: 100 %</u>		

Sembahyang adalah salah satu daripada rukun Islam, merupakan satu kewajipan yang tidak boleh diragukan lagi, dan wajib dilakukan oleh setiap individu Muslim - Muslimah tanpa uzur syar'i lima waktu sehari semalam.

Pada umumnya, penglibatan responden yang ditemubual tidaklah memuaskan dalam kewajipan menunaikan sembahyang 5 waktu.

Hasil kajian yang telah dijalankan, tidak terdapat seorang pun daripada mereka yang menunaikan sembahyang 5 waktu sehari semalam dengan sepenuhnya. Cuma 75 % daripada mereka yang menunaikannya di sekitar 1-3 waktu sahaja. Dan 25 % daripada responden yang ditemubual tidak pernah menunaikan sembahyang 5 waktu semenjak menganut agama Islam.

Masalah buta huruf dan tidak pandai membaca Al-Quran merupakan masalah utama mengapa keadaan tersebut berlaku ke atas mereka, hingga terdapat daripada mereka yang tidak tahu bagaimana hendak mengambil wudu^c dan cara-cara hendak mendirikan sembahnya hendak mengambil wudu^c dan cara-cara hendak mendirikan sembahnya yang dengan sempurna. Adapun yang 75 % daripada mereka yang menunaikan sembahyang adalah bersembahyang dengan cara berjemaah. Cuma segelintir sahaja yang boleh mendirikan sembahyang dengan baik setelah mendapat bimbingan dari guru agama dan menghadiri beberapa kursus agama.

b. Penglibatan Responden Dalam Puasa Di Bulan
Ramadan.

Tindakbalas Responden	Bil. Responden	Peratus
Tidak pernah puasa	-	-
Puasa beberapa hari sahaja	20	100 %
Cukup sebulan	-	-
<u>Jumlah: 100 %</u>		

Puasa tidak kurang pentingnya dari sembahyang yang tidak boleh ditinggalkan tanpa sebab-sebab yang telah ditetapkan oleh syara^c.

Pada umumnya, dari kalangan mereka yang ditemubual, berpuasa tidak cukup sebulan pada tiap-tiap tahun di bulan ramadan, dan mengikut perkiraan peratus ialah 100 %. Purata puasa di kalangan mereka adalah di antara 5 hingga 15 hari dalam sebulan. Terdapat juga daripada golongan ini berpuasa hanya di awal ramadan dan akan berpuasa semula pada pertengahan atau penghujung bulan tersebut.

Masalah tersebut berlaku disebabkan mereka tidak tahan lapar apatah lagi kalau mereka bekerja dengan terok pada hari tersebut.

sebut. Kebanyakkan daripada mereka bekerja sebagai petani dan pekebun, dan bila rasa letih dan lapar, mereka akan membatalkan puasa mereka pada waktu tengahari. Disebabkan masalah tidak tahan lapar, mereka juga jarang-jarang menggantikan puasa yang pernah ditinggalkan.

Perkara seperti ini bukanlah perkara baru yang pernah berlaku di kalangan umat Islam. Malah disebut saja tentang puasa atau bila tibanya bulan ramadan, macam-macam alasan yang sering kita dengar. Ini amatlah merugikan kerana hakikat sebenar puasa adalah untuk mendidik kita agar sentiasa bersabar, menahan nafsu daripada perkara-perkara yang mungkar, membentuk budi pekerti yang mulia, dan dari segi kesihatan ianya memberi kelebihan bagi perut kita. Segalanya memberi kebaikan dan keinsafan terhadap kita. Kerana itulah kita dikehendaki berpuasa untuk menguji sejauhmana keimanan dan kesabaran kita tadi. Tetapi masih yang tidak mahu berpuasa atau melaksanakan tuntutan ini atas alasan tidak tahan lapar. Bererti, keimanan mereka belum dapat mengatasi masalah biasa yang lumrahnya dihadapi oleh semua individu.

c. Penglibatan Responden Dengan Zakat

Salah satu masalah yang menimpa saudara baru di Kampung Belimbin ialah kemiskinan. Sumber pendapatan mereka hanya cukup untuk keperluan sehari-hari sahaja. Oleh yang demikian, hasil pertanian mereka seperti padi tidak dapat dikeluarkan sebagai zakat pada waktu-waktu yang tertentu disebabkan tidak mencukupi untuk tujuan tersebut, memadai untuk keperluan mereka sahaja.

Begitu juga dengan zakat fitrah, kebiasaan mereka tidak menyempurnakannya pada waktu yang telah ditetapkan kerana masalah kemiskinan dan hidup serba kekurangan. Tidak kurangnya pula, kefahaman mereka tentang kewajipan mengeluarkan zakat masih berada di tahap yang paling rendah hingga tidak dapat menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan zakat fitrah dan zakat harta benda atau zakat perniagaan serta tidak mengetahui sejauhmana fungsi dan peranan zakat dalam Islam.

Ini bermakna mereka tidak mempunyai kesedaran untuk melaksanakan kewajipan tersebut dan masalah kemiskinan telah menghalang mereka untuk berbuat demikian.

c. Penglibatan Responden Dengan Zakat

Salah satu masalah yang menimpa saudara baru di Kampung Belimbin ialah kemiskinan. Sumber pendapatan mereka hanya cukup untuk keperluan sehari-hari sahaja. Oleh yang demikian, hasil pertanian mereka seperti padi tidak dapat dikeluarkan sebagai zakat pada waktu-waktu yang tertentu disebabkan tidak mencukupi untuk tujuan tersebut, memadai untuk keperluan mereka sahaja.

Begitu juga dengan zakat fitrah, kebiasaan mereka tidak menyempurnakannya pada waktu yang telah ditetapkan kerana masalah kemiskinan dan hidup serba kekurangan. Tidak kurangnya pula, kefahaman mereka tentang kewajipan mengeluarkan zakat masih berada di tahap yang paling rendah hingga tidak dapat menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan zakat fitrah dan zakat harta benda atau zakat perniagaan serta tidak mengetahui sejauhmana fungsi dan peranan zakat dalam Islam.

Ini bermakna mereka tidak mempunyai kesedaran untuk melaksanakan kewajipan tersebut dan masalah kemiskinan telah menghalang mereka untuk berbuat demikian.

d. Penglibatan Responden Dengan Ibadat Haji

Pada umumnya, untuk menunaikan fardu haji tidaklah begitu menonjol di kalangan mereka. Kebanyakkan daripada mereka yang ditemubual tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan haji dan tidak dapat menyatakannya sama ada ia tergolong dalam pengertian ibadat atau tidak. Kesamaran mereka dalam tuntutan ini masih ketara, dan penglibatan mereka dalam ibadat haji ini masih di peringkat yang rendah. Setakat ini cuma dua orang daripada penduduk Kampung Belimbin telah menunaikan fardu haji. Pemergian mereka ini telah dibiayai oleh sebuah pertubuhan Islam dari Riyad, iaitu Rabitah Al - Alam Al - Islami di satu ketika dulu, semata-mata untuk memberi peluang kepada penduduk Sarawak yang dipilih seramai 10 orang sahaja. Daripada jumlah tersebut, dua orang daripadanya terdiri daripada saudara baru dari Kampung Belimbin dengan bertujuan untuk memberi peluang dan menjinakkan hati mereka yang baru memeluk agama Islam pada waktu itu.

Akan tetapi, peluang yang diberi tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya, malah peringatan dan iktibar dari amalan haji tersebut tidak mendatangkan kesan yang baik terhadap mereka terutamanya dalam memperkuatkan fikiran dan keimanan mereka terhadap Allah S.W.T dan agama yang mereka anuti. Peluang yang telah diberikan juga tidak dapat mempertingkatkan kepercayaan, kesedaran dan nilai

keimanan mereka dalam ertikata yang sebenarnya. Mereka masih mengenepikan tuntutan agama seperti sembahyang dan puasa meskipun telah mengerjakan rukun Islam yang ke lima.

Permasalahan ini timbul mungkin disebabkan oleh kur-sus yang agak singkat dan bimbingan ibadat haji yang dikendali-kan secara umum sahaja, atau mereka tidak mempunyai kemampuan dan persediaan yang cukup untuk menunaikan ibadat tersebut.

e. Penglibatan Responden Dengan Sembahyang Juma^cat.

Pada keseluruhannya, kaum lelaki di Kampung Belimbin tidak ketinggalan untuk menunaikan sembahyang Juma^cat, kerana kebiasaananya dilakukan secara berjema^cah. Namun, terdapat dari-pada mereka tidak menunaikan sembahyang Juma^cat kerana lebih memberi perhatian kepada tugas harian mereka. Malah tidak ada inisiatif untuk membaiki kelemahan diri, baik dari segi ibadat maupun pengetahuan. Ini juga merupakan masalah di kalangan me-reka kerana mempunyai sikap yang sambil lewa dalam soal keagama-an, di mana kebiasaananya mengharapkan pihak-pihak tertentu saha-ja untuk membimbing dan mendidik mereka.

Oleh yang demikian, sama ada dalam melaksanakan sembahyang lima waktu atau sembahyang Juma^cat, mereka melakukannya mengikut hati yang suka sama ada menunaikannya atau tidak pada waktu-waktu yang telah ditetapkan.

Melihat kepada ibadat khusus yang dijalankan oleh saudara baru Bidayuh, ternyata ianya belum dilaksanakan dengan sepuhnya di mana dalam hal ini, peribadatan mereka masih di peringkat yang paling rendah.

Permasalahan yang berhubung dengan ibadat khusus ini ialah berlakunya kecenderungan mereka dalam tugas-tugas biasa, hingga melalaikan mereka untuk melaksanakan tuntutan agama. Inisiatif untuk membaiki kelemahan diri tidak wujud di kalangan mereka kerana lebih menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

Kesimpulannya, dalam ibadat khusus ini, mereka hanya melakukannya mengikut hati dan masa yang terluang.

3.2.2 (ii) Amalan Ibadat Umum

Amalan ibadat umum yang penulis maksudkan di sini ialah amalan-amalan ibadat yang merangkumi aspek sosial penduduk Kampung Belimbin.

Sebagai contoh, amalan yang paling ketara ialah kebanyakkan daripada kaum wanita di kampung tersebut tidak memakai tudung kepala atau menutup aurat ketika keluar dari rumah. Hal yang sama juga berlaku kepada kaum lelaki yang hanya memakai seluar pendek yang tidak sampai ke lutut bilamana keluar masuk dan berehat-rehat di anjung rumah dengan tidak menghiraukan orang lalu lalang di depan mereka. Begitu juga bila mereka melayan tetamu yang bukan mahram mereka.

Bila menyentuh tentang pakaian, majoriti daripada mereka berpakaian hanya untuk menutupi beberapa anggota badan yang tertentu sahaja. Menurut mereka, berpakaian dengan tidak menutup aurat adalah perkara biasa sahaja.

Maka tidak hairanlah pendedahan aurat di kalangan mereka tidak diambil sebagai satu perkara yang serius kerana mereka berpakaian bukan atas dasar fahaman agama. Oleh yang de-

mikian mereka tidak menghitungkan baik buruknya lagi dalam soal menutup dan mendedah aurat. Dengan ini timbulah trend berpakaian yang berbagai-bagai di kalangan generasi-generasi muda di kampung tersebut hasil dari pengaruh dan idea moden. Akibatnya, mereka terikut-ikut dengan perkembangan semasa meskipun bertentangan dengan agama tambahan pula kejahilan mereka dengan hukum-hukum Islam telah menyebabkan mengapa perkara tersebut berlaku kepada mereka.

Tumpuan kepada sesuatu pekerjaan atau bekerja sepenuh masa seperti berkebun dan bertani telah mengabaikan kewajipan mereka sebagai hamba Allah. Kebanyakkan daripada mereka juga lebih cenderung memikirkan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari mereka terutamanya dalam usaha mencari rezeki hingga dalam hal ini, mereka lalai dan mengene-pikan soal agama dan rohani. Lagipun mereka mempunyai fahaman yang terbatas tentang Islam dan ruang lingkup ibadat. Tradisi mereka yang rajin bekerja merupakan faktor yang membataskan rangka peribadatan mereka sekaligus tidak dapat menggambarkan sejauhmana tugas manusia kepada Tuhan-Nya.

Keadaan ini berlaku mungkin juga disebabkan oleh pe-

melukar ugama Islam yang bukannya datang dari kesedaran diri. Kerana menyingkap kembali sejarah penelukar ugama Islam di kalangan mereka pada 20 tahun yang lalu, boleh dikatakan seluruh penduduk kampung tersebut memeluk ugama Islam kerana terikuti dan pengaruh dari Penghulu, Ketua Kampung dan sahabat handai.

Dalam konteks ini, meskipun mereka mengakui diri mereka sebagai seorang Islam, namun masih banyak lagi tuntutan asas dalam Islam tidak dilaksanakan lagi.

Dari sudut pendidikan agama, masyarakat Islam Bidayuh di kampung tersebut, belum lagi dapat mencorakkan cara berfikir dan bertindak secara kolektif. Yang jelas berlaku ialah telah menganut ugama Islam, adat resam mereka telah bertukar kepada adat resam yang biasa orang Melayu Islam lakukan serta memadai mengetahui asas-asas Islam sahaja. Soal pengetahuan dan pelajaran agama tidak dianggap sebagai ibadat oleh sebahagian daripada mereka. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti ceramah, syarahan dan kursus-kursus agama yang dijalankan di luar dan dalam kampung tersebut tidak dianggap sebagai satu aktiviti yang perlu dan wajib ke atas mereka bergantung kepada kehendak dan kemauan diri sama ada mengikutinya atau tidak.

Dalam membaca Al-Quran dan Muqaddam, cuma golongan muda yang berpelajaran dan mendapat didikan daripada pihak-pihak tertentu sahaja yang boleh membacanya. Tetapi dipandang dari sudut amalan ibadat, ia tidak diperlakukan dan dihayati sepanjang masa, cuma sebagai satu kemampuan dan kebolehan sahaja, iaitu dibaca untuk waktu-waktu yang tertentu seperti menyertai ujian tilawah Al-Quran.

Hasil kajian juga, dalam perkara yang berkaitan dengan fardu kifayah iaitu mengurus hal kematian, bolehlah dikatakan suasana masyarakatnya hampir serupa dengan masyarakat Islam Melayu yang lain. Tetapi untuk menguruskan mayat setiap kali ada kematian, selalunya dikendalikan oleh guru-guru agama disitu dan mereka cuma memberi bantuan atau sekadar menolong sahaja.

Dari sudut sosial seperti hubungan sesama jiran merupakan satu perkembangan yang baik kerana sedia memberi kerjasama dalam semua hal, dan jika terdapat saudara-mara atau jiran tetangga yang sakit atau meninggal dunia, mereka meluangkan masa untuk menziarahinya. Tetapi, dari sudut yang lain pula, hubungan sosial di kalangan mereka tidak ada batasnya. Pergaulan mereka tidak membataskan antara muhrim dan bukan muhrim.

Mereka bebas berinteraksi dan bergaul.

Dalam sambutan Hari Raya Puasa pula, mereka juga turut bergembira bersama keluarga dan sanak saudara yang berugama Islam. Tidak kurang pula saudara-mara yang masih berugama Kristian datang menziarahi dan berkunjung ke rumah mereka, meskipun agama telah memisahkan pegangan hidup masing-masing. Mereka membuat persediaan yang paling sederhana sahaja. Untuk keperluan ini, BINA telah menghulurkan bantuan berupa wang poket kepada penduduk kampung dan menyembelihkan 2 ekor lembu untuk dibahagikan kepada mereka. Sungguhpun Hari Raya tersebut merupakan hari kemenangan bagi orang-orang Islam yang telah berpuasa sebulan, tetapi suasana kegembiraan tersebut tidaklah dirasai dengan sepenuhnya, kerana hidup mereka yang serba kekurangan dan merayakannya mengikut kebiasaan orang Melayu Islam yang lain; sama ada cara sederhana atau cara besar-besaran.

Umumnya, bila tiba Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji, tidaklah menimbulkan masalah terhadap mereka dalam ertikata yang sebenarnya.

Selain daripada itu, ditinjau dari sudut perkahwinan orang Islam Bidayuh; mereka mempunyai satu ciri perkahwinan yang

menarik sebelum menganut ugama Islam. Di mana ia tidak terlalu bergantung kepada kuasa i.ubapa. Pertunangan perlu diumumkan oleh Ketua Kampung. Lelaki yang bakal berkanwin itu perlulah bersedia membantu keluarga isterinya terutamanya dengan kerja-kerja di sawah. Biasanya perkahwinan di antara mereka ditetapkan berdasarkan kemunculan bulan purnama kerana ia melambangkan kemakmuran, dan dilarang meraikan perkahwinan selepas bulan purnama tersebut, dikhawatiri akan berlaku pergaduhan, kemiskinan dan kegagalan. Adat dan kepercayaan seperti ini masih diamalkan oleh orang Bidayuh di Sarawak.

Akan tetapi, bagi mereka yang telah memeluk ugama Islam khususnya saudara baru di Kampung Belimbin, suasana dan keperayaan seperti ini telah berubah. Mereka juga telah mengenepikan tradisi tersebut, kerana pada pandangan mereka, Islam tidak menetapkan satu tarikh atau waktu yang khusus untuk mengadakan majlis perkahwinan. Mereka juga tidak perlu berbelanja secara besar-besaran bila mengadakan majlis pertunangan bagi anak sulung atau anak tunggal mereka. Kebanyakkannya berpendapat banyak pantang larang dan syarat yang perlu diikuti oleh bakal pengantin atau suami isteri tersebut. Tetapi sejak menganut ugama Islam, pantang larang tersebut jelas membebankan mereka. Dalam Islam apa yang perlu dilakukan ialah persetujuan dari kedua belah pi-

Mereka bebas berinteraksi dan berjaul.

Dalam sambutan Hari Raya Puasa pula, mereka juga turut bergembira bersama keluarga dan sanak saudara yang berugama Islam. Tidak kurang pula saudara mara yang masih berugama Kristian datang menziarahi dan berkunjung ke rumah mereka, meskipun agama telah memisahkan pegangan hidup masing-masing. Mereka membuat persediaan yang paling sederhana sahaja. Untuk keperluan ini, BINA telah menghulurkan bantuan berupa wang poket kepada penduduk kampung dan menyembelihkan 2 ekor lembu untuk dibahagikan kepada mereka. Sungguhpun Hari Raya tersebut merupakan hari kemenangan bagi orang-orang Islam yang telah berpuasa sebulan, tetapi suasana kegembiraan tersebut tidaklah dirasai dengan sepenuhnya, kerana hidup mereka yang serba kekurangan dan merayakannya mengikut kebiasaan orang Melayu Islam yang lain; sama ada cara sederhana atau cara besar-besaran.

Umumnya, bila tiba Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji, tidaklah menimbulkan masalah terhadap mereka dalam ertikata yang sebenarnya.

Selain daripada itu, ditinjau dari sudut perkahwinan orang Islam Bidayuh; mereka mempunyai satu ciri perkahwinan yang

menarik sebelum menganut ugama Islam. Di mana ia tidak terlalu bergantung kepada kuasa al-Utapa. Pertuangan perlu diumumkan oleh Ketua Kampung. Lelaki yang bakal berkahwin itu perlulah bersedia membantu keluarga isterinya terutamanya dengan kerja-kerja di sawah. Biasanya perkahwinan di antara mereka ditetapkan berdasarkan kemunculan bulan purnama kerana ia melambangkan kemakmuran, dan dilarang meraikan perkahwinan selepas bulan purnama tersebut, dikhuatiri akan berlaku pergaduhan, kemiskinan dan kegagalan. Adat dan kepercayaan seperti ini masih diamalkan oleh orang Bidayuh di Sarawak.

Akan tetapi, bagi mereka yang telah memeluk ugama Islam khususnya saudara baru di Kampung Belimbin, suasana dan kepercayaan seperti ini telah berubah. Mereka juga telah mengenepikan tradisi tersebut, kerana pada pandangan mereka, Islam tidak menetapkan satu tarikh atau waktu yang khusus untuk mengadakan majlis perkahwinan. Mereka juga tidak perlu berbelanja secara besar-besaran bila mengadakan majlis pertunangan bagi anak sulung atau anak tunggal mereka. Kebanyakkannya berpendapat banyak pantang larang dan syarat yang perlu diikuti oleh bakal pengantin atau suami isteri tersebut. Tetapi sejak menganut ugama Islam, pantang larang tersebut jelas membebankan mereka. Dalam Islam apa yang perlu dilakukan ialah persetujuan dari kedua belah pi-

hak, aqad nikah dan disertakan mengadakan sedikit doa selamat atau kenduri sebagai tanda kesyukuran, sekurang-kurangnya untuk mengisyiharkan perkahwinan tersebut. Kebiasaannya BINA menguruskan hal perkahwinan di kalangan mereka dengan mengadakannya secara beramai-ramai dengan menghantar pegawai-pegawaiannya untuk menjayakan majlis tersebut.

Jadi, amalan perkahwinan di kalangan mereka selalunya diuruskan oleh pihak BINA.

Sungguhpun mereka mempunyai kefahaman yang jelas dalam membezakan baik buruknya sesuatu perkara itu, tetapi hakikatnya mereka tidak dapat menggambarkan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dalam mengadakan majlis tersebut seperti adat persandingan, mereka tidak dapat mengetengahkan prosidur yang wajib maupun sunat bila mengadakan majlis seumpama itu. Cuma, menjelaskan perbezaan tentang adat peminangan dan perkahwinan dalam masyarakat mereka sebelum dan setelah mereka menganut ugama Islam, kerana pengetahuan mereka belum sampai kepada masalah tersebut.

Begitulah di antara amalan ibadat umum yang diamalkan oleh masyarakat Islam Bidayuh di Kampung Belimbin, dan contoh -

contoh amalan ibadat di atas adalah beberapa amalan ibadat umum yang lebih jelas berlaku di kalangan mereka.

NOTAKAKI.

40. Jawatankuasa Kecil Publisiti Dan Filem Ulang Tahun Ke 25 Sarawak Merdeka Dalam Malaysia, op.cit, m.s. 35
41. Lee Yong Leng, " Penduduk Dan Penempatan Di Sarawak ", Cetakan Pertama, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1981), m.s. 112
42. op.cit, m.s. 35
43. op.cit, m.s. 47
44. op.cit, m.s. 60

BAB KE EMPAT

BAB KEEMPAT

KESIMPULAN DAN SARANAN

4.1 Kesimpulan

Islam adalah 'ad-deen' yang membawa ajaran untuk memberi kebahagiaan hakiki kepada manusia.

Menurut Islam, manusia mempunyai dua tugas yang besar sebagai khalifah Allah di muka bumi dan tunduk beribadat kepadaNya, sesuai dengan fitrah semulajadi manusia yang telah diciptakan oleh Allah Ta^Cala amat berhajat dari aspek ibadat dan minta pertolongan serta berserah kepadaNya. Kerana hati nurani manusia tidak akan merasa tenang dan bahagia kecuali dengan melakukan ibadat kepada Tuhannya.

Ibadat dalam Islam mempunyai skop yang luas, yang merangkumi aspek kehidupan manusia, di mana tidak terbatas kepada sembahyang, puasa, zakat dan haji, malah setiap perkara yang diredayai oleh Allah sama ada zahir dan batin adalah tergolong dalam ibadat.

Sebenarnya menurut istilah agama, ibadat bererti tunduk, memperhambakan diri dan menyembah Allah S.W.T dengan sepe-

77

nuhnya, kepada segala yang disyariatkan olehNya sama ada ber-bentuk suruhan atau larangan.

Oleh yang demikian, seseorang itu hendaklah melakukan penyembahan yang mutlak dengan penuh khusus^c, insaf, kasih dan cinta kepada Allah. Jadi, tidak termasuk dalam pengertian ibadat sekiranya amalan yang dilakukan tidak kasih dan ikhlas kepada Allah kerana kedua-duanya merupakan perkara pokok untuk menentukan sama ada sesuatu amalan atau pekerjaan itu diterima atau ditolak oleh Allah Ta'^cala. Ini bererti niat seseorang itu merupakan pernyataan ikhlas kita kepada Allah dalam sesuatu ibadat yang kita lakukan.

Dalam pengertian yang lebih umum, ibadat terbahagi kepada dua kategori.

Pertama, ibadat khusus yang mengatur hubungan langsung dengan Allah seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji. Ke empat-empat komponen ini adalah pokok ibadat besar dalam Islam di mana tidak boleh diabaikan oleh setiap individu Muslim.

Kedua, ibadat umum yang merupakan amalan yang menguntungkan baik jangka pendek atau panjang yang mendatangkan keba-

ikan kepada individu, masyarakat, agama dan negara yang dikerjakan semata-mata untuk mencari keredaan Allah dengan berpuandukan kepada nas Al-Quran dan As-Sunnah.

Menyentuh tentang ibadat di kalangan saudara baru di Kampung Belimbin, data-data telah menunjukkan bahawa sebanyak 5 % daripada mereka mempunyai kefahaman yang baik dan dikira boleh membanggakan, 25 % daripadanya mereka tidak faham sepenuhnya, seterusnya 75 % lagi tidak dapat memberi gambaran secara kasar tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat atau dengan kata lain tidak memahami langsung apakah yang dimaksudkan dengan ibadat.

Dari urutan peratus di atas, kita boleh membuat kesimpulan inilah satu realiti kepada saudara baru dalam menerima Islam sebagai pegangan hidup mereka. Kebanyakkannya daripada mereka memadai boleh mengucap dua kalimah syahadah, dan mempunyai pandangan yang umum tentang ibadat dan Islam itu sendiri. Di mana mempunyai skop pemikiran yang hanya berputar di sekitar peribadatan dalam erti yang sempit iaitu sembahyang, puasa, dan haji sahaja. Masalah ini merupakan satu fenomena yang harus diselesaikan agar mereka tidak membulatkan tanggapan fahaman mereka dalam beragama kepada fahaman yang sempit dan terbatas.

